

Panduan
Lengkap

Pilihan Laluan Pengajian

SELEPAS SPM

Panduan para pelajar,
ibu bapa & guru untuk
merancang laluan
lepasan SPM ke Institusi
Pengajian Tinggi

Panduan
Lengkap

Pilihan Laluan Pengajian

SELEPAS SPM

Meneroka Masa Depan Dengan Tepat

Edisi Pertama

Cetakan Pertama 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa jua bentuk dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan oleh:

UNI ASSIST SDN. BHD. (1508641-P)

D-11-GA

Jalan Prima Saujana 2/F, Seksyen 2,
43000 Kajang, Selangor,
Malaysia

E-mel : official.uniassist@gmail.com

Web : <http://www.uniassist.my>

**PANDUAN LENGKAP
PILIHAN LALUAN PENGAJIAN SELEPAS SPM:
Meneroka Masa Depan Dengan Tepat**

KANDUNGAN

1. Prakata	1
2. Panduan Memilih Laluan yang Tepat	2
3. Pilihan Laluan Pengajian Tinggi Selepas SPM	4
▪ STPM-Tingkatan 6	6
▪ STAM	8
▪ Matrikulasi KPM	10
▪ Asasi	13
▪ Diploma	20
▪ DVM/ DKM	24
▪ Persediaan luar negara	27
▪ A level	33
▪ IBDP	36
▪ PISMP	39
▪ PPC KPM	41
▪ SIJIL/ SKM	43
4. Membuat Pilihan yang Betul & Tepat	47
5. Bagaimana Menentukan Minat dan Kecenderungan	50
6. Bidang Pilihan dan Prospek Kerjaya	52
7. Kenali IPT dan Kelebihannya	55
8. IPTA atau IPTS: Mana yang lebih baik?	59
9. Bidang Kekuatan IPT:	
○ Kategori: IPTA	63
○ Kategori: IPTS	66
○ Kategori: IPTS-GLU	66
10. Penarafan (Ranking) Universiti Malaysia	68
11. Laluan Alternatif Universiti Awam	71
12. Penutup	78



PRAKATA

Dengan rasa syukur dan penuh harapan, kami menghasilkan buku **Panduan Lengkap Pilihan Laluan Pengajian Selepas SPM: Meneroka Masa Depan Dengan Tepat**. Buku ini ditulis khusus sebagai inisiatif untuk membantu para pelajar khususnya lepasan SPM dalam menghadapi satu fasa penting dalam kehidupan pendidikan yang bakal menentukan masa depan mereka.

Buku ini juga disediakan dengan harapan turut dapat membantu para ibu bapa dan guru dalam membuat perancangan kerana saban tahun, ribuan pelajar berdepan dengan keputusan sukar untuk memilih laluan pendidikan selepas SPM. Walau apa pun laluan yang di pilih, matlamat akhir adalah supaya pelajar berjaya menamatkan pengajian sekurang-kurangnya di peringkat Sarjana Muda yang akan membuka pelbagai peluang kerjaya serta lanjutan pengajian ke peringkat lebih tinggi sesuai dengan kemampuan dan keperluan semasa.

Dalam dunia yang semakin kompleks dan dinamik, maklumat yang tepat dan bermanfaat adalah kunci untuk membuat pilihan yang bijak. Buku ini menyajikan panduan lengkap mengenai pelbagai pilihan pengajian yang ada selepas SPM, termasuk STPM, STAM, asasi, matrikulasi, diploma dan program-program teknikal & vokasional yang ditawarkan di institusi pengajian dalam dan luar negara.

Kami memahami bahawa pemilihan laluan pengajian bukan sahaja melibatkan pelajar, tetapi juga memerlukan penglibatan ibu bapa dan guru. Oleh itu, buku ini disediakan untuk memberi panduan yang menyeluruh, membantu semua pihak merancang langkah yang sesuai dan mengelakkan kebimbangan serta keraguan dalam membuat keputusan.

Menerusi maklumat yang lengkap berkenaan institusi pengajian tinggi (IPT), bidang pengajian yang ditawarkan, keperluan program dan prospek kerjaya, pelajar akan dapat memahami setiap pilihan yang ada dan menilai program pengajian yang paling sesuai dengan minat dan aspirasi mereka.

Melalui pembacaan buku ini, pelajar akan dapat:

- Memahami pilihan laluan pendidikan yang ada selepas SPM.
- Menilai kekuatan dan kelebihan masing-masing untuk membuat keputusan yang tepat.
- Merancang langkah seterusnya dengan lebih yakin, berlandaskan informasi yang terperinci dan relevan.
- Mengetahui keperluan industri dan peluang kerjaya yang menanti di masa hadapan.

Kami berharap buku ini dapat menjadi sumber inspirasi dan panduan yang berguna dalam meneroka masa depan yang cerah. Dengan ketekunan, usaha, dan panduan yang betul, setiap pelajar mampu mencapai impian mereka. Semoga buku panduan ini dapat membantu dan menyokong generasi muda dalam perjalanan pendidikan mereka, kerana masa depan yang gemilang bermula dengan pilihan yang bijak hari ini.

Selamat membaca dan selamat maju jaya dalam meneroka pilihan laluan pengajian selepas SPM!

MOHD FAIRUS ABU HANIFAH
Uni Assist
www.uniassist.my

**"Jika anda gagal merancang,
anda merancang untuk gagal"**

PANDUAN MEMILIH LALUAN YANG TEPAT

Memilih laluan pengajian selepas SPM adalah keputusan yang penting dan melibatkan pelbagai faktor. Pelajar perlu memahami bahawa pemilihan ini bukan sahaja berdasarkan kecemerlangan akademik, tetapi juga melibatkan minat, kebolehan, dan matlamat jangka panjang mereka. Berikut adalah beberapa tips untuk membantu pelajar membuat pilihan yang bijak:

****Tentukan Matlamat Kerjaya Jangka Panjang****

Pilihan laluan pengajian sebaiknya disesuaikan dengan matlamat kerjaya masa depan. Contohnya, jika berminat dalam bidang perubatan, pelajar perlu memahami laluan serta proses yang perlu dilalui, seperti pra-universiti, ijazah perubatan, dan latihan amali sebelum boleh bergelar doktor bertauliah.

****Fahami Keperluan dan Minat Diri****

Kenal pasti bidang yang anda minati dan kekuatan akademik anda. Jika anda cemerlang dalam subjek sains, laluan dalam bidang sains, kejuruteraan, sains komputer dan seumpunya mungkin lebih sesuai dengan anda.

****Pertimbangkan Peluang Kerjaya****

Terdapat bidang yang menawarkan lebih banyak peluang kerjaya atau permintaan yang tinggi dalam pasaran kerja, seperti teknologi maklumat, sains data, atau kejuruteraan. Buat kajian dan dapatkan maklumat berkaitan keperluan pasaran kerja sekurang-kurangnya untuk tempoh 5 tahun akan datang kerana pada masa itulah anda bakal bergraduasi.

****Dapatkan Nasihat dan Bimbingan****

Kaunselor sekolah, ibu bapa, ahli keluarga, atau rakan-rakan yang lebih berpengalaman boleh memberi panduan berdasarkan pengetahuan mereka. Dapatkan sebanyak mungkin pandangan dan buat pertimbangan yang bersesuaian mengambil kira kelayakan yang ada, kecenderungan dan minat, kemampuan diri dan kewangan serta matlamat yang ingin pelajar capai.



**PILIHAN
LALUAN
PENGAJIAN
SELEPAS
SPM**

Selepas tamat SPM, pelajar mempunyai pelbagai laluan yang boleh dipilih berdasarkan minat, matlamat kerjaya, dan kelayakan akademik. Laluan-laluan ini termasuklah Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Asasi, Matrikulasi, Diploma, sijil-sijil kemahiran seperti DVM/DKM, program persediaan luar negara, A Level, program International Baccalaureate (IBDP), dan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP).

Setiap pilihan mempunyai ciri-ciri unik dari segi jangka masa pengajian, tahap kesukaran, keperluan kelayakan SPM, dan peluang kerjaya yang ditawarkan. Menilai dengan teliti setiap laluan dapat membantu pelajar membuat keputusan yang bijak sesuai dengan kekuatan dan aspirasi masing-masing. Oleh itu, memahami perbezaan antara laluan-laluan ini adalah langkah awal yang kritikal dalam memastikan kejayaan masa depan pelajar dalam pendidikan tinggi dan pasaran kerja.

PENTINGNYA MEMBUAT PERANCANGAN

Merancang laluan pengajian selepas SPM adalah langkah yang kritikal untuk pelajar. Jika perancangan tidak dilakukan dengan baik, beberapa implikasi negatif mungkin timbul:



Mengelak Kekeliruan dalam Pilihan Pengajian

Tanpa panduan yang jelas, pelajar mungkin berakhir memilih kursus atau program yang tidak sesuai dengan minat dan kebolehan mereka. Ini boleh menyebabkan mereka tidak bersemangat dalam pengajian dan berpotensi menjejaskan pencapaian akademik mereka.



Memaksimumkan Peluang Kerjaya

Pemilihan laluan pengajian yang tidak tepat boleh menghadkan pilihan kerjaya. Pelajar yang tidak menyelidik keperluan industri mungkin mendapati bahawa kelayakan mereka tidak relevan dengan permintaan pasaran kerja, mengakibatkan kesukaran dalam mendapatkan pekerjaan selepas tamat pengajian.



Mengelak Pembaziran Masa dan Sumber

Mendaftar dalam program yang tidak sesuai boleh menyebabkan pelajar menghabiskan masa dan wang untuk kursus yang tidak membawa kepada hasil yang diinginkan. Ini termasuk kos pengajian, buku teks, dan yuran lain yang sepatutnya boleh digunakan untuk peluang yang lebih berfaedah.



Persiapan Rapi untuk Pengajian Tinggi

Tanpa perancangan yang teliti, pelajar mungkin tidak menyedari keperluan untuk mempersiapkan diri bagi ujian kemasukan ke institusi pendidikan tinggi. Ini boleh menyebabkan mereka ketinggalan dalam persaingan untuk tempat di universiti atau kolej yang mereka inginkan.

Oleh itu, adalah penting bagi pelajar untuk mendapatkan nasihat daripada kaunselor akademik dan melakukan penyelidikan yang mendalam sebelum membuat keputusan mengenai laluan pengajian mereka. Dengan perancangan yang baik, pelajar dapat memastikan bahawa mereka memilih laluan yang selaras dengan matlamat dan aspirasi mereka.

KE MANA SELEPAS SPM?

STPM

STAM

ASASI

MATRIKULASI

DIPLOMA

DVM / DKM

PERSEDIAAN LUAR NEGARA

A LEVEL

INTERNATIONAL BACCALAUREATE

PISMP

PPC KPM

SIJIL / SKM





SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)

Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) merupakan salah satu laluan yang diiktiraf di Malaysia dan di peringkat antarabangsa dan diakui setaraf dengan **A-Level**. Kelayakan STPM ini diperoleh melalui Sistem Pengajian Tingkatan Enam yang dijalankan sama ada di Kolej Pra Universiti KPM (dahulunya Kolej Tingkatan 6) atau sekolah-sekolah menengah harian yang disenarai oleh KPM.

1. Syarat Kelayakan Permohonan

- Untuk layak mengikuti pengajian peringkat STPM, pelajar perlu memenuhi beberapa syarat kelayakan asas seperti berikut:
 - **Minimum SPM:** Lulus SPM dengan sekurang-kurangnya kepujian Bahasa Melayu dan 3 kepujian dalam subjek-subjek yang ditetapkan mengikut bidang/aliran.
 - **Subjek Diperlukan:**
 - Bahasa Melayu: Wajib mendapat gred kepujian (minimum C)
 - Matematik: Walaupun tidak wajib, gred kredit dalam Matematik akan membantu dalam beberapa bidang pengajian yang memerlukan kemahiran matematik seperti Sains, Ekonomi, dan Perakaunan.
 - Subjek lain yang disyorkan: Sains (bagi pelajar aliran Sains) atau subjek berkaitan bagi aliran Sastera/Sains Sosial.
 - **Pengambilan Pelajar:** Pelajar yang memenuhi syarat-syarat kelayakan akan dipilih secara automatik oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mengikuti Tingkatan 6 di sekolah yang menawarkan aliran ini.

2. Tempoh Pengajian

- STPM mengambil masa 1.5 tahun untuk diselesaikan dan kebiasaannya akan bermula pada bulan Julai setiap tahun. Program ini terdiri daripada tiga semester, dengan pelajar perlu menduduki peperiksaan pada akhir setiap semester. Kaedah pembelajaran STPM disusun dengan kurikulum yang merangkumi pelbagai subjek akademik, termasuk subjek wajib Pengajian Am serta subjek teras yang diambil sepanjang program seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sejarah, Ekonomi, Perniagaan, Sains Sukan dan lain-lain.

3. Aliran & Mata Pelajaran STPM

- STPM merupakan sijil terbuka. Pelajar boleh memilih subjek mengikut aliran yang diminati sama ada aliran Sains atau Sastera/Sains Sosial. Bilangan maksimum mata pelajaran yang boleh diambil ialah lima (5) termasuk Pengajian Am. Untuk tujuan kemasukan ke IPTA, keputusan yang terbaik bagi empat (4) mata pelajaran sahaja akan diambil kira termasuk Pengajian Am.

4. Laluan Pengajian Selepas STPM

- STPM diiktiraf oleh institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) di Malaysia, termasuk universiti antarabangsa untuk lanjutan pengajian ke peringkat Sarjana Muda.

5. Kaedah Permohonan

- Pelajar tidak perlu memohon untuk ke Tingkatan 6. Pelajar yang layak akan ditawarkan kemasukan secara automatik oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) selepas hebahan keputusan SPM.
- Selepas tamat STPM, pelajar boleh memohon kemasukan ke universiti awam melalui UPU Online, iaitu platform rasmi permohonan kemasukan IPTA atau pun memohon ke IPTS melalui permohonan terus ke IPTS berkenaan.

6. Pembiayaan Pengajian

- Yuran peperiksaan bagi empat atau / dan lima mata pelajaran adalah percuma bagi calon Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan, kecuali calon sekolah swasta dan persendirian individu.
- Bagi sekolah kerajaan, calon hanya perlu membayar yuran pendaftaran sekolah, PIBG dan MUET dengan anggaran kos kurang RM600 sepanjang pengajian.

7. Kelebihan Program STPM

STPM adalah antara program pra-universiti yang diiktiraf di dalam dan luar negara. Berikut adalah kelebihan utama bagi pelajar yang memilih untuk mengikuti STPM:

- Diiktiraf Global: Sijil STPM diiktiraf setaraf dengan A-Level di United Kingdom dan boleh digunakan untuk melanjutkan pengajian di universiti dalam dan luar negara.
- Kos Rendah: STPM adalah program yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan, dengan yuran peperiksaan percuma bagi calon sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan. Hanya calon sekolah swasta atau calon persendirian sahaja yang perlu membayar yuran peperiksaan pada kadar sangat rendah. Ini menjadikan ia salah satu program pra-universiti yang paling menjimatkan.
- Laluan Langsung ke IPTA: Pelajar STPM mempunyai laluan ke universiti awam tempatan dengan permohonan melalui UPU Online, di mana mereka mempunyai peluang yang tinggi untuk diterima tertakluk kepada pencapaian gred yang baik.
- Pilihan Subjek yang Fleksibel: Pelajar boleh memilih subjek yang diminati mengikut aliran, sama ada Sains, Sastera, atau Sains Sosial. Ini memberi kebebasan untuk mempelajari bidang yang diminati.
- Peluang Kerjaya Pelbagai: Lulusan STPM boleh memilih untuk melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah dalam pelbagai bidang atau terus bekerja dalam sektor tertentu.
- Sistem Penilaian Berasaskan Semester: STPM menggunakan sistem penilaian berasaskan semester, yang membolehkan pelajar memberi tumpuan kepada subjek dalam tempoh yang lebih pendek dan mengurangkan tekanan peperiksaan akhir yang intensif.

Ringkasan

Secara keseluruhan, STPM merupakan pilihan yang sangat baik bagi pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti dengan kos rendah dan persiapan akademik yang kukuh. Ia menyediakan laluan ke IPTA atau IPTS tempatan serta diiktiraf di peringkat antarabangsa, menjadikan STPM sebagai pilihan popular di kalangan pelajar lepasan SPM yang bercita-cita tinggi.



SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) berada di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Lembaga Peperiksaan Malaysia. **STAM diperkenalkan sebagai kelayakan untuk pelajar yang ingin melanjutkan pengajian dalam bidang pengajian Islam di institusi pendidikan tinggi dalam dan luar negara, khususnya di negara-negara Timur Tengah seperti Mesir dan Jordan.**

1. Syarat Kelayakan

- Akademik: Calon mestilah mempunyai kelulusan SPM, dengan gred kepujian dalam Bahasa Melayu dan dan memperoleh gred yang baik khususnya bagi subjek-subjek agama seperti Pendidikan Islam dan Bahasa Arab.
- Kemahiran Bahasa Arab: Kemahiran asas dalam Bahasa Arab biasanya diperlukan kerana silibus STAM menggunakan Bahasa Arab secara meluas dalam subjek seperti tafsir, hadis, nahu, dan sarf.

2. Tempoh Pengajian

- Tempoh Pengajian: Pengajian STAM mengambil masa antara satu hingga dua tahun, bergantung kepada struktur kurikulum institusi masing-masing.
- Kurikulum: Pengajian meliputi subjek seperti tafsir, hadis, feqah, nahu (atabahasa Arab), sarf (morfologi Arab), dan ilmu ma'ani (retorik Arab).

3. Senarai Institusi yang Menawarkan Program STAM

Beberapa institusi menawarkan pengajian STAM, termasuk:

- Sekolah Menengah Agama Negeri dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Institusi Swasta dan Kolej Agama: Beberapa sekolah dan kolej swasta yang berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri turut menawarkan program STAM.
- Kolej Universiti Islam: Beberapa kolej universiti yang menawarkan program pengajian Islam mungkin juga mempunyai laluan STAM sebagai persediaan ke pengajian lebih tinggi.

4. Kaedah Permohonan

- Permohonan Sekolah Agama: Pelajar boleh memohon terus ke sekolah-sekolah menengah agama atau SMKA melalui Jabatan Pendidikan Negeri atau Jabatan Agama Islam Negeri.
- Kolej Agama Swasta: Bagi institusi swasta, proses permohonan mungkin melalui laman web rasmi institusi atau borang permohonan khusus yang perlu dihantar secara manual.

5. Peluang Pembiayaan

- Biasiswa dan Bantuan Kewangan: Biasiswa biasanya disediakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri atau yayasan negeri tertentu bagi pelajar cemerlang.
- Pinjaman Pendidikan: Terdapat juga institusi yang menawarkan pinjaman pendidikan untuk pelajar yang memerlukan bantuan kewangan.
- Institusi Pengajian Tinggi: Pelajar STAM yang berjaya melanjutkan pengajian ke universiti dalam atau luar negara juga berpeluang mendapat biasiswa atau bantuan dari pihak universiti.

6. Kelebihan STAM

- Pengiktirafan Antarabangsa: STAM diiktiraf oleh beberapa universiti luar negara, termasuk Universiti Al-Azhar di Mesir, yang terkenal dalam bidang pengajian Islam.
- Peluang Pengajian Tinggi: Pelajar yang lulus STAM boleh menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang seperti Syariah, Usuluddin, Bahasa Arab, dan lain-lain di universiti tempatan dan antarabangsa.
- Prospek Kerjaya: STAM membuka peluang kerjaya sebagai guru agama, pegawai syariah, pegawai agama di jabatan kerajaan, pensyarah, dan penyelidik dalam bidang agama dan undang-undang Islam.

Ringkasan

Pengajian STAM adalah laluan yang sesuai bagi pelajar yang mempunyai minat mendalam dalam bidang agama Islam dan ingin meneruskan pendidikan dalam pengajian tinggi agama. Laluan ini menyediakan kelayakan yang kuat dan diiktiraf dalam dunia pendidikan agama serta membuka peluang pendidikan yang luas, terutama dalam pengajian Islam di peringkat antarabangsa.



MATRIKULASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)

Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merupakan salah satu laluan pra-universiti yang popular di Malaysia bagi lepasan SPM. Program ini menawarkan persiapan akademik yang intensif bagi melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah, terutama dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM).

1. Bidang/Jurusan Pengajian Matrikulasi KPM

Program Matrikulasi KPM menawarkan tiga jurusan utama yang dirancang untuk memenuhi keperluan pelbagai bidang di universiti:

- **Jurusan Sains:** Merangkumi subjek Fizik, Kimia, Biologi, dan Matematik bagi pelajar yang berhasrat untuk menyambung pengajian dalam bidang Perubatan, Optometri, Sains Forensik, Kejuruteraan Pergigian atau Farmasi.
- **Jurusan Kejuruteraan:** Ditawarkan kepada pelajar yang berminat dalam pengajian kejuruteraan dengan subjek Matematik, Kimia, dan Fizik.
- **Jurusan Perakaunan:** Merangkumi subjek Matematik, Ekonomi, dan Perakaunan, sesuai bagi pelajar yang ingin menyambung pengajian dalam bidang Perakaunan, Perniagaan, Ekonomi, dan Pengurusan.
- **Jurusan Perakaunan Profesional:** Sesuai bagi pelajar yang ingin menyambung pengajian bidang Perakaunan Profesional di UiTM untuk kerjaya sebagai Akauntan Bertauliah.
- **Jurusan Sains Komputer** (Baru diperkenalkan untuk kemasukan 2025/2026): Sesuai bagi pelajar yang ingin menyambung pengajian Jurusan Sains Komputer, Kejuruteraan Perisian, Teknologi Maklumat, Sistem Maklumat dan Sains Data.

2. Syarat Kelayakan Permohonan

Untuk memohon Program Matrikulasi KPM, pelajar perlu memenuhi syarat kelayakan berdasarkan keputusan SPM. Syarat-syarat am termasuk:

- Warganegara Malaysia: Program ini hanya terbuka untuk pelajar warganegara Malaysia.
- Lulus dalam Subjek Bahasa Melayu dan Sejarah: Kedua-dua subjek ini wajib lulus.

MATRIKULASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)

Syarat Kelayakan Matrikulasi KPM Mengikut Jurusan

Berikut adalah jadual perbandingan syarat kelayakan SPM bagi permohonan program Matrikulasi KPM mengikut jurusan.

Bidang Pengajian	Syarat Kelayakan
Jurusan Sains (SDS - Sistem 2 Semester)	<ul style="list-style-type: none"> • Minimum Gred C dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta lulus Sejarah. • Minimum Gred B dalam Matematik • Minimum Gred C dalam Matematik Tambahan dan dua subjek Sains (Kimia dan Biologi/Fizik).
Jurusan Sains (SES - Sistem 4 Semester)	<ul style="list-style-type: none"> • Minimum Gred C dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta Lulus Sejarah. • Minimum Gred C dalam Matematik • Lulus dalam Matematik Tambahan dan dua subjek Sains (Kimia/ Biologi/Fizik/Sains Komputer).
Jurusan Kejuruteraan	<ul style="list-style-type: none"> • Minimum Gred C dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta Lulus Sejarah. • Minimum Gred B dalam Matematik • Minimum Gred C dalam Matematik Tambahan dan Fizik • Lulus Kimia • Minimum Gred C dalam salah SATU subjek berikut: <ul style="list-style-type: none"> ◦ Biologi/ Kimia/ Asas Kelestarian/ Pertanian/ Sains Rumah Tangga/ Reka Cipta/ Sains Komputer/ Sains Sukan/ Lukisan Kejuruteraan/ Geografi/ Grafik Komunikasi Teknikal/ Pendidikan Seni Visual/ Pendidikan Syari'ah Islamiah/ Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah/ Prinsip Perakaunan/ Ekonomi/ Perniagaan/ Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik/ Pengajian Kejuruteraan Awam/ Pengajian Kejuruteraan Mekanikal
Jurusan Perakaunan	<ul style="list-style-type: none"> • Minimum Gred C dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta lulus Sejarah. • Minimum Gred C dalam Matematik • Minimum Gred C dalam mana-mana subjek berikut: <ul style="list-style-type: none"> ◦ Fizik/ Kimia/ Biologi/ Matematik Tambahan/ Sains Komputer/ Sains/ Sains Tambahan/ Asas Kelestarian/ Pertanian/ Sains Rumah Tangga/ Reka Cipta/ Sains Sukan/ Geografi/ Prinsip Perakaunan/ Ekonomi/ Perniagaan/ Tasawwur Islam/ Usul Al-Din/ Pendidikan Syari'ah Islamiah/ Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah/ Al-Syariah/ Pendidikan Seni Visual/ Grafik Komunikasi Teknikal/ Lukisan Kejuruteraan/ Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik/ Pengajian Kejuruteraan Mekanikal/ Pengajian Kejuruteraan Awam
Jurusan Perakaunan Profesional (JPPro)	<ul style="list-style-type: none"> • Minimum Gred C dalam Bahasa Melayu dan Matematik Tambahan serta Lulus Sejarah. • Minimum Gred A- dalam Bahasa Inggeris • Minimum Gred A dalam mana-mana subjek berikut: <ul style="list-style-type: none"> ◦ Fizik/ Kimia/ Biologi/ Matematik Tambahan/ Sains Komputer/ Sains/ Sains Tambahan/ Asas Kelestarian/ Pertanian/ Sains Rumah Tangga/ Reka Cipta/ Sains Sukan/ Geografi/ Prinsip/ Perakaunan/ Ekonomi/ Perniagaan/ Tasawwur Islam/ Usul Al-Din/ Pendidikan Syari'ah Islamiah/ Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah/ Al-Syariah/ Pendidikan Seni Visual/ Grafik Komunikasi Teknikal/ Lukisan Kejuruteraan/ Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik/ Pengajian Kejuruteraan Mekanikal/ Pengajian Kejuruteraan Awam
Jurusan Sains Komputer	<ul style="list-style-type: none"> • Minimum Gred C dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta Lulus Sejarah. • Minimum Gred C dalam Matematik, Matematik Tambahan dan Sains Komputer • Minimum Gred C dalam salah SATU subjek berikut: <ul style="list-style-type: none"> ◦ Fizik/ Kimia/ Biologi/ Sains/ Sains Tambahan/ Teknologi Kejuruteraan/ Asas Kelestarian/ Pertanian/ Reka Cipta/ Sains Sukan/ Perniagaan/ Prinsip Perakaunan/ Grafik Komunikasi Teknikal/ Tasawwur Islam/ Pendidikan Syari'ah Islamiah/ Lukisan Kejuruteraan/ Ekonomi/ Pengajian Kejuruteraan Awam/ Pengajian Kejuruteraan Mekanikal/ Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik

Untuk maklumat lebih lanjut dan syarat terkini, pelajar boleh melayari laman web rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia.

MATRIKULASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)

3. Tempoh Pengajian

- Program Matrikulasi KPM ditawarkan dalam dua modul tempoh pengajian:
 - **Program Satu Tahun (PST):** Tempoh pengajian adalah selama dua semester (1 tahun).
 - **Program Dua Tahun (PDT):** Tempoh pengajian adalah selama empat semester (2 tahun) bagi pelajar yang memerlukan lebih masa untuk mengukuhkan asas pengetahuan mereka.
- Kedua-dua program ini memberi pelajar persiapan akademik yang lengkap untuk melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah di IPT.

4. Senarai IPT yang Menerima Matrikulasi KPM

- Lulusan Program Matrikulasi KPM diiktiraf oleh hampir semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia. Selain IPTA, sebahagian universiti swasta juga mengiktiraf sijil Matrikulasi sebagai kelayakan kemasukan ke program ijazah mereka.

5. Cara Memohon

- Permohonan ke Program Matrikulasi KPM boleh dibuat secara dalam talian melalui laman web rasmi KPM. Layari laman web KPM (<https://matrikulasi.moe.gov.my/>) untuk maklumat terkini mengenai tarikh permohonan.

6. Peluang Pembiayaan

- Program Matrikulasi KPM menawarkan yuran pengajian yang sangat berpatutan dengan sokongan kerajaan. Selain itu, pelajar juga menerima menerima elaun sara hidup daripada kerajaan yang bertujuan meringankan beban kewangan pelajar.

7. Kelebihan Program Matrikulasi KPM

- Program Matrikulasi KPM menawarkan beberapa kelebihan utama yang menjadikannya pilihan popular di kalangan pelajar SPM:
 - Tempoh Pengajian yang Singkat: Program satu tahun membolehkan pelajar memasuki IPT untuk program Sarjana Muda dengan lebih cepat berbanding laluan lain seperti STPM atau Diploma.
 - Pelbagai Bidang Pengajian: Dengan jurusan Sains, Kejuruteraan, dan Perakaunan, program ini menawarkan pilihan yang luas untuk pelbagai bidang ijazah.
 - Pembiayaan Pengajian: Yuran pengajian dan elaun sara hidup yang ditanggung Kerajaan menjadikan program ini mampu milik.
 - Sistem Pembelajaran dan Penilaian Tersusun: Pengajian berasaskan semester memberi peluang untuk pelajar menguasai subjek secara sistematik.
 - Kemasukan Terus ke Universiti: Lulusan matrikulasi boleh terus memohon ke IPTA (melalui UPU Online) atau IPTS dalam bidang pengajian yang berkaitan dengan jurusan mereka.
 - Persiapan Akademik yang Mantap: Silibus matrikulasi dirancang untuk melatih pelajar dalam aspek kemahiran analitikal, penulisan, dan pemahaman konsep.
 - Pengiktirafan ke Perkhidmatan Awam: Semua lulusan Program Matrikulasi KPM dianugerahkan Sijil Matrikulasi KPM yang diiktiraf ke Perkhidmatan Awam mulai tahun 2017.

Ringkasan

Program Matrikulasi KPM adalah laluan yang ideal bagi pelajar SPM yang ingin melanjutkan pengajian dengan cepat dan mampu milik. Program ini menyediakan platform untuk pengukuhan akademik dan persediaan asas yang kukuh bagi pelbagai kursus di IPTA dan IPTS.



PENGAJIAN ASASI

Program asasi adalah satu laluan utama bagi pelajar yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah. Ia menyediakan asas pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menyambung ke program ijazah dalam pelbagai bidang.

1. Bidang/Jurusan Pengajian

a. Asasi Sains Hayat

- Bidang ini merangkumi subjek seperti Biologi, Bioteknologi, Sains Kesihatan, dan Farmasi dan membuka laluan ke program Sarjana Muda antaranya dalam bidang Perubatan, Pergigian, Farmasi dan Sains.

b. Asasi Sains Fizikal

- Jurusan ini fokus kepada subjek seperti Kimia, Fizik, Matematik, dan Sains Bahan dan membuka laluan ke program Sarjana Muda antaranya dalam bidang Kejuruteraan, Sains Komputer, Alam Bina dan Sains Aktuari

c. Asasi Sains Sosial

- Dalam bidang ini, pelajar akan meneroka topik seperti Psikologi, Ekonomi dan Sosiologi dan membuka laluan ke program Sarjana Muda antaranya dalam bidang Perakaunan, Perniagaan, Psikologi, Pendidikan dan Komunikasi.

d. Asasi Bidang Pengkhususan

- Terdapat juga program asasi yang menawarkan pengetahuan khusus dalam bidang tertentu seperti kejuruteraan, seni bina, dan teknologi maklumat.



2. Tempoh Pengajian

- Tempoh pengajian untuk program asasi adalah 1 tahun. Program ini terdiri daripada pengajaran teori dan amali.

3. Kaedah Permohonan

- Permohonan untuk program asasi adalah seperti berikut:
 - IPTA: Melalui UPU Online di <https://upu.mohe.gov.my>. Sebahagian IPTA juga ada membuka permohonan melalui Saluran Terus.
 - IPTS: Permohonan terus di laman web IPTS masing-masing.

4. Syarat Kelayakan Permohonan

- Syarat kelayakan bagi program asasi secara amnya adalah seperti berikut:
 - Kelayakan Umum**
 - Lulus SPM dengan sekurang-kurangnya 5 Kepujian, termasuk Bahasa Melayu dan subjek lain yang berkaitan.
 - Syarat Mengikut Bidang**
 - Berikut adalah jadual perbandingan syarat kelayakan SPM bagi program Asasi di beberapa IPTA dengan purata merit terkini UPU dan perbandingan syarat kemasukan IPTS sebagai panduan.

Bidang	IPTA (Purata Merit UPU Terkini)	IPTS (Contoh Syarat Kemasukan)
Asasi Sains Hayat	Kepujian dalam SPM, termasuk B dalam Biologi, Kimia, Fizik, dan Matematik Tambahan Markah Merit: 76-95	Kepujian dalam mata pelajaran utama sains seperti Biologi, Matematik Tambahan, serta Kimia. Skor biasanya lebih fleksibel bergantung pada institusi, tetapi memerlukan asas sains yang kukuh.
Asasi Sains Fizikal	Kepujian dalam Matematik Tambahan, Fizik, dan Kimia; Markah merit: 76-94	Kepujian dalam mata pelajaran Matematik dan sains, khususnya Matematik Tambahan dan Fizik. Nilai skor yang diperlukan adalah lebih rendah dari IPTA namun tetap mengutamakan pelajar dengan penguasaan asas sains yang baik.
Asasi Sains Sosial	Kepujian dalam subjek teras seperti Matematik dan Sains: Markah merit: 94	IPTS memerlukan lulus atau kepujian dalam Bahasa Melayu, Sejarah, dan subjek relevan. Syarat adalah lebih fleksibel berbanding IPTA tetapi tetap mewajibkan asas yang baik dalam Matematik dan Bahasa Inggeris.

PENGAJIAN ASASI



Bidang Spesifik	IPTA (Purata Merit UPU Terkini)	IPTS (Contoh Syarat Kemasukan)
Asasi Perubatan	Kepujian dalam Biologi, Kimia, dan Matematik Tambahan dengan nilai A atau A-; Markah merit: 90-95	Kepujian dalam Matematik Tambahan, Biologi, dan Kimia diperlukan. Minimum nilai biasanya B atau C+ untuk bidang perubatan di IPTS
Asasi Undang-undang	Kepujian dalam Bahasa Melayu, Sejarah, serta subjek teras lain; Markah merit: 84-90	Lulus dalam Bahasa Melayu, Sejarah, dan Bahasa Inggeris, dengan syarat tambahan untuk subjek kemahiran komunikasi.
Asasi Kejuruteraan	Kepujian dalam Fizik, Matematik Tambahan, dan Kimia. Markah merit: 78-85.	Lulus dalam Matematik Tambahan dan Fizik diperlukan, dengan nilai sekurang-kurangnya C+ atau B dalam subjek utama di IPTS untuk bidang kejuruteraan.
Asasi Sains Komputer	Kepujian dalam Matematik Tambahan dan Fizik; Markah merit: 83-94.	Lulus dalam Matematik Tambahan dan Sains; lebih fleksibel berbanding IPTA, tetapi tetap memerlukan penguasaan dalam Matematik dan asas komputer atau sains relevan.
Asasi Perniagaan/Perakaunan	Kepujian dalam Matematik dan mata pelajaran seperti Perdagangan atau Ekonomi Asas. Markah merit: 85-89.	Kepujian dalam Matematik dan asas perakaunan atau perdagangan diperlukan. Syarat kemasukan lebih rendah sedikit berbanding IPTA namun tetap memerlukan asas dalam subjek perniagaan atau ekonomi.
Asasi Pengajian Islam	Kepujian dalam Pendidikan Islam atau subjek agama lain, serta lulus dalam Matematik. Markah merit: 86-90	Lulus dalam subjek agama dan Matematik. Syarat di IPTS lebih fleksibel, tetapi tetap memerlukan asas yang baik dalam Pendidikan Islam dan kemahiran asas Matematik serta Bahasa Melayu.
Asasi TESL/ Bahasa Inggeris	Kepujian dalam Matematik dan gred A- dalam 4 mata pelajaran lain serta gred A dalam Bahasa Inggeris. Markah merit: 86-96.	5 kepujian termasuk Bahasa Inggeris.

Nota:

1. Ini adalah perbandingan ringkas yang dapat membantu calon memahami syarat asas yang ditetapkan oleh IPTA dan IPTS. Untuk IPTA, Sila rujuk laman web UPU Online (<https://upu.mohe.gov.my>) untuk syarat terkini dan khusus di setiap institusi kerana syarat ini mungkin berbeza bergantung pada kriteria khusus yang ditetapkan oleh setiap universiti.

2. Markah merit berbeza bergantung kepada IPTA

Memahami ASASI TERBUKA dan ASASI TERTUTUP

Untuk pengetahuan semua, bagi program Asasi IPTA, hanya sebahagian program Asasi dikategorikan sebagai terbuka dan sebahagian lagi adalah kategori tertutup.

Jadi apa yang dimaksudkan Asasi Terbuka dan Asasi Tertutup?

Asasi Terbuka

Kategori Asasi Terbuka adalah di mana lepasan Asasi ini layak memohon serta diterima untuk kemasukan ke Sarjana Muda di mana-mana Universiti Awam khususnya melalui permohonan di UPU atau secara terus ke universiti berkenaan. Walau bagaimanapun, di UPU Online hanya Asasi daripada sebahagian universiti awam iaitu UM, UKM, UiTM dan Politeknik sahaja diberi laluan khas melalui kategori permohonan yang ditetapkan sebagai Kategori N, P, U, L, K, J, M, V seperti berikut:

Kategori N : Aliran Sains Calon Matrikulasi KPM, Asasi Sains UM, ASASIpintar UKM dan Asasi UiTM.

Kategori P : Aliran Perakaunan Calon Matrikulasi KPM.

Kategori U : Aliran Undang-Undang (KPM) Calon Asasi UiTM.

Kategori K : Aliran Kejuruteraan Calon Asasi UiTM.

Kategori L : Aliran Bahasa Inggeris Calon Asasi UiTM (TESL)

Kategori J : Aliran Kejuruteraan Calon Matrikulasi KPM.

Kategori M : Aliran Sains Sosial Calon Asasi Sains UM.

Kategori V : Aliran TVET Politeknik.

Asasi Tertutup

Asasi Tertutup merupakan program perintis yang ditawarkan oleh IPT bagi tujuan kemasukan iaitu "feeder" bagi program sarjana Muda di IPT yang sama. Program Asasi yang ditawarkan oleh universiti awam selain daripada kategori N, P, U, L, K, J, M, V di atas kategorikan sebagai Asasi Tertutup kerana ianya ditawarkan sebagai laluan (feeder) ke program Sarjana Muda universiti berkenaan sahaja.

Asasi kategori ini termasuklah Asasi Pengajian Islam UM, Asasi Pengajian Islam dan Sains UM, UMK, UIAM, UMS, UNIMAS, UPM, UPNM, UUM, UniSZA, UMT, dan Tamhidi USIM di mana lepasan Asasi ini hanya boleh menyambung pengajian Sarjana Muda di universiti yang berkenaan sahaja dan tidak boleh ke universiti awam lain.

5. Senarai IPT yang Menawarkan Program Asasi

Berikut adalah senarai beberapa Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang menawarkan program asasi serta sebahagian program yang ditawarkan:

IPTA

- Universiti Malaya (UM)
 - Program Asasi Sains Hayat, Sains Fizikal, Sains Sosial dan Pengajian Islam: Fokus sebagai persediaan untuk program ijazah dalam bidang sains, teknologi, dan kejuruteraan serta pengajian Islam
- Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
 - Program Asasi Pintar: Dikhususkan untuk pelajar pintar di bawah Pusat GENIUS@Pintar sebagai persediaan untuk pelbagai bidang pengajian ijazah dalam sains, perubatan dan bidang profesional lain di UKM dan lain-lain IPT.
- Universiti Teknologi MARA (UiTM)
 - Program Asasi Sains, Asasi TESL, Asasi Kejuruteraan, Asasi Perniagaan, dan Asasi Undang-Undang: Terdapat beberapa program Asasi yang merangkumi pelbagai bidang, termasuk undang-undang, sains, dan perniagaan.
- Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
 - Program Asasi di Pusat Asasi UIAM Gambang: Program Asasi UIAM ini adalah kategori tertutup dan bertujuan mempersiapkan pelajar untuk menyambung Sarjana Muda di UIAM sahaja.
- Universiti Putra Malaysia (UPM)
 - Program Asasi Sains Pertanian: Memberi asas dalam sains pertanian dan sains biologi sebagai persediaan untuk bidang pengajian yang berkaitan.
- Universiti Utara Malaysia (UUM)
 - Program Asasi Pengurusan: Program ini memberi fokus kepada asas dalam bidang pengurusan, ekonomi, dan perakaunan untuk pelajar yang berminat dalam bidang pentadbiran dan pengurusan.
- Universiti Malaysia Sabah (UMS)
 - Program Asasi Sains: Ditawarkan bagi pelajar yang berminat dalam bidang sains untuk persediaan ke pengajian ijazah dalam bidang sains dan teknologi.
- Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
 - Program Asasi Pertahanan dan Asasi Kejuruteraan: Sebagai persediaan untuk pengajian dalam bidang pertahanan dan kejuruteraan.
- Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
 - Program Asasi Pengajian Islam: Ditawarkan sebagai asas dalam pengajian Islam, bagi persediaan melanjutkan pelajaran dalam program-program berkaitan.
- Politeknik
 - Program Asasi TVET: Asasi TVET adalah merupakan satu program persediaan sebelum melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda khususnya dalam bidang Teknologi Kejuruteraan.

IPTS

Antara IPTS yang menawarkan program Asasi dalam pelbagai bidang:

- Universiti Sunway
 - Program Asasi dalam Seni, Sains, dan Teknologi Maklumat: Menyediakan asas bagi pengajian dalam bidang sains, seni, dan teknologi maklumat.

- Universiti Taylor's
 - Program Asasi dalam Sains, Seni, Kejuruteraan, dan Perniagaan: Pelbagai program asasi untuk persediaan dalam bidang seperti sains kesihatan, seni bina, reka bentuk, perniagaan, dan undang-undang.

- Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (TAR UC)
 - Program Asasi dalam Sains dan Seni: Direka untuk menyediakan asas kukuh bagi pelajar yang ingin meneruskan pengajian dalam sains, teknologi, perniagaan, dan seni.

- INTI International University & Colleges
 - Program Asasi dalam Sains, Perniagaan, dan Seni: Persediaan untuk ijazah dalam bidang sains, teknologi, perniagaan, dan seni reka.

- Universiti SEGi
 - Program Asasi dalam Sains dan Perniagaan: Memberikan asas dalam sains kesihatan, sains sosial, dan pengurusan perniagaan.

- Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU)
 - Program Asasi dalam Teknologi dan Perniagaan: Menyediakan asas untuk program ijazah dalam bidang teknologi maklumat, kejuruteraan, perniagaan, dan media kreatif.

- Universiti Limkokwing Kreatif dan Teknologi (Limkokwing University)
 - Program Asasi dalam Rekaan dan Teknologi: Menyediakan laluan untuk pelajar dalam bidang seni reka, multimedia, dan inovasi teknologi.

- Universiti HELP
 - Program Asasi dalam Sains, Seni, dan Perniagaan: Program untuk pelajar yang bercadang meneruskan pengajian dalam sains sosial, teknologi, perakaunan, dan ekonomi.

- Universiti UCSI
 - Program Asasi dalam Sains, Kejuruteraan, Farmasi, dan Perniagaan: Persediaan untuk bidang kejuruteraan, sains kesihatan, farmasi, dan muzik.

- Universiti MAHSA
 - Program Asasi dalam Sains Kesihatan dan Kejuruteraan: Menawarkan asasi dalam bidang perubatan, pergigian, farmasi, dan kejuruteraan.

6. Peluang Pembiayaan

Terdapat pelbagai peluang pembiayaan untuk membantu pelajar menampung kos pengajian:

- Biasiswa dan Bantuan Pendidikan: Terdapat institusi dan agensi kerajaan negeri yang menawarkan biasiswa atau pinjaman untuk pelajar cemerlang.
- Pinjaman Pendidikan: Sebahagian program IPTS membolehkan pelajar memohon pinjaman daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk menampung yuran pengajian.
- Bantuan Kewangan Kerajaan: Bantuan Kewangan Asasi IPTA (BKA) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi untuk pelajar kumpulan pendapatan B40 dan M40.
- Skim Pembiayaan Pendidikan IPTS: Sebahagian IPTS menawarkan skim pembiayaan bagi pelajar asasi yang meneruskan pengajian ke Sarjana Muda di IPT mereka.

7. Kelebihan Program Asasi

Program asasi menawarkan banyak kelebihan bagi pelajar, antaranya:

- Persediaan untuk Ijazah: Memberi asas pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah.
- Pengajian Pendek: Tempoh pengajian yang lebih singkat membolehkan pelajar melanjutkan pengajian ke Sarjana Muda lebih awal.
- Pengajaran Praktikal: Pelajar mendapat peluang untuk belajar secara praktikal, meningkatkan pemahaman mereka selain menyesuaikan kaedah pembelajaran di IPT.
- Peluang Jaringan: Interaksi dengan pensyarah dan pelajar lain membolehkan pelajar membina rangkaian yang berguna.
- Kemudahan IPT: Pelajar asasi mempunyai akses kepada kemudahan seperti makmal, perpustakaan, dan sumber pembelajaran lain.

Ringkasan

Laluan pengajian asasi selepas SPM adalah pilihan yang baik bagi pelajar yang ingin melanjutkan pengajian. Dengan syarat kelayakan yang fleksibel dan pelbagai bidang pengajian yang ditawarkan, program asasi dapat memberikan asas yang kukuh untuk pelajar mengejar cita-cita akademik mereka. Pelajar disarankan untuk mengambil peluang ini dan merancang langkah seterusnya dalam pendidikan mereka.





PENGAJIAN DIPLOMA

Lepasan SPM yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat diploma mempunyai pelbagai pilihan yang menarik. **Selain menjadi platform untuk lanjutan pengajian ke Sarjana Muda, program diploma juga menyediakan pendidikan praktikal dan khusus yang mempersiapkan pelajar untuk memasuki pasaran kerja dengan kemahiran yang diperlukan.**

1. Aliran Bidang Pengajian

- Program diploma ditawarkan dalam pelbagai bidang pengajian meliputi aliran sains seperti sains kesihatan, kejuruteraan dan sains komputer serta aliran sains sosial seperti pengurusan, perniagaan, perakaunan, undang-undang dan banyak lagi.

2. Syarat Kelayakan Permohonan

- Syarat kelayakan untuk memohon program diploma biasanya berbeza-beza mengikut institusi dan bidang pengajian. Secara umumnya pelajar mesti lulus SPM dengan sekurang-kurangnya 3 kepujian, termasuk Bahasa Melayu dan Sejarah.

3. Tempoh Pengajian

- Tempoh pengajian untuk program diploma biasanya adalah antara 2 hingga 3 tahun. Program ini membolehkan pelajar belajar secara intensif dan mendalami subjek yang berkaitan dengan bidang mereka.

4. Senarai IPT yang Menawarkan Program

Berikut adalah senarai beberapa Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang menawarkan program diploma:

IPTA

- Universiti Teknologi MARA (UiTM)
 - UiTM adalah antara universiti utama yang menawarkan banyak program diploma dalam bidang seperti Pengurusan Perniagaan, Kejuruteraan, Seni Halus, Sains Komputer, Sains Kesihatan, dan Sains Gunaan.
- Politeknik
 - Politeknik Malaysia (di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi) menyediakan pelbagai program diploma dalam bidang teknikal dan vokasional seperti Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Mekanikal, Teknologi Maklumat, Pengurusan Perniagaan, dan Seni Kulinari.
- Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
 - Selain program diploma kejuruteraan, UTM juga ada menawarkan diploma dalam bidang sains sosial seperti Perakaunan, Pengurusan dan Pendidikan. Program ini tidak ditawarkan melalui UPU Online sebaliknya permohonan terus ke UTM melalui SPACE.
- Universiti Malaya (UM)
 - UM juga ada menawarkan diploma khususnya dalam bidang Pengurusan dan Perakaunan. Program ini tidak ditawarkan melalui UPU Online sebaliknya permohonan terus ke UM melalui UMCCed.
- Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)
 - UMPSA juga menawarkan beberapa program diploma, antaranya Diploma dalam Kejuruteraan, Sains Komputer dan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Permohonan boleh dibuat sama ada melalui UPU Online atau secara terus melalui UMPSA Advanced.
- Universiti Malaysia Sabah (UMS)
 - UMS menawarkan beberapa program diploma, antaranya Diploma dalam Pertanian, dan program lain yang berkaitan dengan sumber alam dan perikanan.
- Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
 - UniSZA menawarkan program diploma dalam bidang seperti Pengurusan Hal Ehwal Islam dan Kejururawatan.
- Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
 - UPSI menawarkan diploma dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak, yang direka untuk melatih pendidik dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak.
- Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
 - UTHM menyediakan program diploma dalam bidang Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik, dan beberapa program teknikal lain yang berkaitan dengan kejuruteraan.
- Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
 - UniMAP menawarkan diploma dalam Kejuruteraan, khususnya Kejuruteraan Awam dan Elektrik, selaras dengan fokus universiti dalam bidang kejuruteraan dan teknologi.

IPTS

Berikut adalah sebahagian IPTS yang ada menawarkan program peringkat diploma:

- Kolej Universiti SEGi (SEGi University and Colleges)
 - Menyediakan pelbagai program diploma dalam bidang seperti Kejururawatan, Farmasi, Kejuruteraan, Pengurusan Perniagaan, Teknologi Maklumat, Seni Reka, dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak.
- Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur (IUKL)
 - Menawarkan program diploma dalam bidang seperti Kejuruteraan Awam, Seni Bina, Pengurusan Perniagaan, Perakaunan, dan Teknologi Maklumat.
- Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (TAR UC)
 - Antara institusi yang terkenal dengan pelbagai pilihan program diploma dalam bidang seperti Pengurusan Perniagaan, Perakaunan, Komunikasi, Teknologi Maklumat, Seni Kreatif, dan Hospitaliti.
- INTI International University & Colleges
 - Menyediakan program diploma dalam bidang Teknologi Maklumat, Pengurusan Perniagaan, Seni Kulinari, Kejururawatan, Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, serta Sains Komputer.
- Kolej Universiti Sunway (Sunway University)
 - Menawarkan program diploma dalam bidang Pengurusan Hotel, Seni Kulinari, Seni Persembahan, Reka Bentuk Grafik, dan Teknologi Maklumat.]
- Universiti Kreatif dan Teknologi Limkokwing (Limkokwing University of Creative Technology)
 - Terkenal dalam bidang seni dan teknologi, Limkokwing menawarkan diploma dalam Reka Bentuk Multimedia, Seni Kulinari, Animasi, Reka Bentuk Grafik, dan Pengiklanan Kreatif.
- Kolej Taylor's
 - Menyediakan program diploma dalam bidang Hospitaliti, Pengurusan Hotel, Seni Kulinari, Pengurusan Acara, Komunikasi, dan Seni Reka.
- Universiti HELP
 - Menawarkan diploma dalam bidang Pengurusan Perniagaan, Teknologi Maklumat, Psikologi, dan Perakaunan.
- Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU)
 - Menyediakan program diploma dalam bidang seperti Teknologi Maklumat, Perniagaan, Reka Bentuk Digital, dan Teknologi Kejuruteraan.
- Universiti UCSI
 - Menawarkan pelbagai program diploma dalam bidang Pengurusan Hotel, Seni Kulinari, Perakaunan, Kejururawatan, dan Muzik.
-

5. Kaedah Permohonan

- Permohonan untuk program diploma adalah seperti berikut:
 - IPTA: Melalui UPU Online di <https://upu.mohe.gov.my>. Sebahagian IPTA juga ada membuka permohonan melalui Saluran Terus.
 - IPTS: Permohonan terus di laman web IPTS masing-masing.

6. Peluang Pembiayaan

- Bagi pelajar yang memerlukan bantuan kewangan, terdapat beberapa peluang pembiayaan yang boleh dipohon:
 - Basiswa dan Bantuan Pendidikan: Terdapat institusi dan agensi kerajaan negeri yang menawarkan biasiswa atau pinjaman untuk pelajar cemerlang.
 - Pinjaman Pendidikan: Pelajar boleh memohon pinjaman daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk menampung yuran pengajian.
 - Simpanan KWSP: Ibu/Bapa yang mempunyai simpanan KWSP boleh memohon pengeluaran Pendidikan melalui Akaun 2 untuk pembiayaan pengajian anak mereka.
 - Skim Pembiayaan Pendidikan: Terdapat pelbagai skim yang ditawarkan oleh institusi khususnya IPTS untuk membantu pelajar menampung kos pembelajaran.

1

7. Kelebihan Program Diploma

- Program diploma menawarkan kelebihan yang menjadikannya pilihan menarik bagi pelajar:
 - Pendidikan Praktikal: Program diploma menekankan pembelajaran praktikal yang menyediakan pelajar untuk kerjaya.
 - Pengajian Pendek: Tempoh pengajian yang pendek membolehkan pelajar memasuki pasaran kerja lebih awal.
 - Peluang Kerja yang Baik: Graduan diploma mempunyai pengiktirafan dalam industri dan peluang kerja yang baik khususnya dalam bidang kompetitif seperti sains kesihatan dan kejuruteraan.
 - Pindahan Kredit: Pelajar yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah berpeluang untuk memindahkan kredit dari program diploma yang dapat mengurangkan tempoh dan yuran pengajian.
 - Perhubungan dengan Industri: Kebanyakan IPT mempunyai kerjasama dengan industri, memberi peluang pendedahan praktikal melalui latihan industri.

Ringkasan

Laluan pengajian diploma selepas SPM adalah pilihan yang baik bagi pelajar yang ingin melanjutkan pengajian dengan pendekatan yang praktikal dan bersedia untuk kerjaya. Dengan pelbagai bidang pengajian yang ditawarkan, syarat kelayakan yang berpatutan, dan peluang pembiayaan yang ada, program diploma menjadi pilihan yang menarik untuk masa depan yang cerah. Pelajar digalakkan untuk mengambil peluang ini dan merancang langkah seterusnya dalam pendidikan mereka.



DIPLOMA VOKASIONAL MALAYSIA (DVM) DAN DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA (DKM)

Pendidikan kemahiran di Malaysia menyediakan laluan yang praktikal dan berfokuskan industri, terutamanya melalui Diploma Vokasional Malaysia (DVM) dan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM). Selepas tamat SPM, pelajar berpeluang mengikuti program DVM/DKM yang membolehkan mereka memperoleh kemahiran praktikal dalam pelbagai bidang. Setelah tamat peringkat DVM/ DKM, mereka juga berpeluang melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana Muda di beberapa Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

1.Syarat Kelayakan Permohonan

DVM

Memiliki SPM dengan kepujian Bahasa Melayu dan 2 mata pelajaran lain.

Nota: Syarat khusus bergantung kepada program yang ditawarkan dan perubahan syarat bergantung pada tahun semasa

DKM

Secara umumnya, lepasan SPM yang ingin memohon DKM perlu memenuhi syarat-syarat berikut:

LULUS SPM atau setara dengan tiga (3) Kepujian dalam mata pelajaran berikut:

- Matematik
- Mana-mana satu (1) mata pelajaran mengikut Kumpulan Sains/ Kumpulan Vokasional & Teknologi/Kumpulan Mata Pelajaran Vokasional (MPV)/ Kumpulan Mata Pelajaran Aliran Vokasional (MPAV)
- Lulus mana-mana satu (1) mata pelajaran lain

DAN

LULUS Bahasa Inggeris

2. Institusi Pengajian dan Kaedah Permohonan

DVM

Program Diploma Vokasional Malaysia (DVM) adalah program pendidikan yang ditawarkan kepada pelajar selepas menamatkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Program ini memberi penekanan kepada latihan praktikal dan teori dalam pelbagai bidang kemahiran teknikal dan vokasional, dengan tujuan untuk menghasilkan tenaga kerja yang kompeten dan berkemahiran tinggi bagi memenuhi keperluan industri. Program DVM dilaksanakan di Kolej Vokasional di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan bertujuan untuk melahirkan graduan yang mampu bersaing dalam pasaran kerja serta memenuhi keperluan industri yang sentiasa berubah.

- Bidang: Pelbagai bidang vokasional seperti Kejuruteraan Elektrik, Automotif, Teknologi Maklumat, dan Kulineri.
- Kaedah Permohonan: Melalui Sistem Aplikasi Dalam Talian KV/SMT (eKV) yang dibuka setiap tahun. Calon perlu memohon secara dalam talian semasa pengambilan dibuka, biasanya selepas keputusan SPM diumumkan.

DKM

DKM ialah diploma dalam bidang kemahiran teknikal yang dikelola oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia. Berikut adalah antara institusi latihan yang menawarkan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) di Malaysia, serta kaedah permohonan bagi setiap program.

- Institut Kemahiran MARA (IKM)
 - Bidang: Kejuruteraan Elektrik, Mekanikal, Automotif, Pengeluaran.
 - Kaedah Permohonan: Melalui laman web Majlis Amanah Rakyat (MARA) atau melalui Unit Pusat Institusi MARA (UPIM).
- Kolej Komuniti
 - Bidang: Reka Bentuk Fesyen, Hospitaliti, Teknologi Maklumat, Penyediaan Makanan, dan lain-lain.
 - Kaedah Permohonan: Melalui Sistem UPU Online atau laman web rasmi Kolej Komuniti di bawah Kementerian Pengajian Tinggi.
- Institut Latihan Perindustrian (ILP)
 - Bidang: Mekatronik, Teknologi Elektrik, Kimpalan, Sistem Komputer, dan bidang teknikal lain.
 - Kaedah Permohonan: Permohonan boleh dibuat melalui laman web Jabatan Tenaga Manusia (JTM) di bawah Kementerian Sumber Manusia.
- Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN)
 - Bidang: Kejuruteraan Automotif, Mekanikal, Elektrikal, Teknologi Elektronik.
 - Kaedah Permohonan: Melalui portal eKampus KBS di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS).
- Akademi Binaan Malaysia (ABM)
 - Bidang: Teknologi Binaan, Kimpalan, dan Kerja-Kerja Bangunan.
 - Kaedah Permohonan: Melalui laman web CIDB Malaysia (Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia).
- Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC)
 - Bidang: Pelbagai bidang teknikal termasuk Automotif, Elektronik, dan Kejuruteraan Pembuatan.
 - Kaedah Permohonan: Melalui laman Jabatan Tenaga Manusia (JTM) di bawah Kementerian Sumber Manusia.

3. Pembiayaan Pengajian

- DVM: Yuran pengajian adalah percuma (ditanggung oleh Kerajaan Malaysia). Pelajar hanya perlu membayar yuran makan sekiranya tinggal di asrama.
- DKM/DLKM: Pembiayaan melalui Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK): Menyediakan pinjaman untuk program kemahiran dan teknikal di institusi yang diiktiraf.

4. Kelebihan Program

- Pengiktirafan Kemahiran: Graduan DVM dan DKM mempunyai kemahiran praktikal yang diiktiraf oleh KPM/ Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), yang meningkatkan kebolehpasaran dalam industri.
- Peluang Pekerjaan yang Luas: Kemahiran teknikal dan vokasional mempunyai permintaan tinggi dalam pelbagai sektor industri di Malaysia.
- Laluan ke Peringkat Lebih Tinggi: DVM/ DKM menyediakan laluan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana Muda di universiti atau politeknik.
- Kebolehpasaran yang Tinggi: Graduan kemahiran sering diterima baik oleh industri kerana mereka mempunyai kemahiran yang boleh terus diaplikasikan dalam pekerjaan.
- Peluang Latihan Industri: Program DKM dan Sarjana Muda biasanya menyediakan peluang latihan industri yang memberi pendedahan praktikal kepada pelajar.

Ringkasan

Laluan pengajian melalui Diploma Vokasional Malaysia (DVM) dan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) adalah pilihan ideal bagi pelajar yang berminat dalam kemahiran teknikal. Melalui DKM, mereka bukan sahaja memperoleh kemahiran teknikal tetapi juga peluang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana Muda. Dengan pelbagai program pembiayaan dan pengecualian kredit, laluan ini menawarkan alternatif yang fleksibel dan berdaya saing untuk pelajar membina kerjaya dalam industri teknikal dan vokasional.





PROGRAM BERKEMBAR DAN PERSEDIAAN LUAR NEGARA

Program Berkembar (Twinning) atau Program Persediaan Luar Negara adalah antara laluan pengajian yang popular bagi pelajar yang bercita-cita untuk mendapatkan ijazah dari universiti terkemuka luar negara. Program ini membolehkan pelajar untuk memulakan sebahagian pengajian di Malaysia dan melengkapkannya di universiti luar negara.

1. Laluan Program Sarjana Muda

- Pelajar yang telah menamatkan program persediaan luar negara atau program berkembar boleh melanjutkan pengajian dalam bidang-bidang berikut di peringkat ijazah sarjana muda:
 - Kejuruteraan: seperti kejuruteraan mekanikal, elektrik, sivil, dan kimia.
 - Perubatan dan Sains Kesihatan: termasuk perubatan, farmasi, pergigian, dan bioteknologi.
 - Perakaunan dan Kewangan: jurusan perakaunan, kewangan, perbankan, dan pelaburan.
 - Sains Komputer dan Teknologi Maklumat: seperti sains komputer, teknologi maklumat, dan keselamatan siber.
 - Sains Sosial dan Kemanusiaan: psikologi, sosiologi, antropologi, dan hubungan antarabangsa.
 - Pengurusan Perniagaan: pengurusan, pemasaran, pengurusan sumber manusia, dan keusahawanan.

2. Senarai Universiti dan Negara yang Layak Dimohon

- Program twinning dan persediaan luar negara biasanya bekerjasama dengan universiti-universiti terkemuka di negara-negara berikut:
 - United Kingdom: University of Manchester, University of Birmingham, University of Leeds.
 - Australia: University of Melbourne, University of Sydney, Australian National University.
 - Amerika Syarikat: Purdue University, University of Illinois, Michigan State University.
 - New Zealand: University of Auckland, Victoria University of Wellington.
 - Ireland: Royal College of Surgeons in Ireland (RCSI), University College Dublin.

3. Syarat Kelayakan Permohonan Minimum

- Kelayakan minimum untuk memasuki program twinning atau persediaan luar negara adalah:
 - Keputusan SPM yang Cemerlang: Biasanya, pelajar memerlukan sekurang-kurangnya 7 gred A, termasuk Bahasa Inggeris, Matematik, dan subjek yang berkaitan dengan jurusan yang dipilih.
 - Syarat Bahasa Inggeris: Kebanyakan program luar negara memerlukan skor minimum dalam ujian bahasa seperti IELTS atau TOEFL. Skor yang diperlukan bergantung kepada universiti yang dipilih.
 - Kriteria Akademik Tambahan: Sesetengah kursus profesional seperti perubatan dan kejuruteraan mungkin mempunyai syarat kelayakan tambahan seperti pencapaian tinggi dalam subjek sains dan matematik.

4. Tempoh Pengajian

- Tempoh pengajian program twinning atau persediaan luar negara biasanya adalah:
 - 1 hingga 2 tahun di Malaysia untuk program persediaan atau tahun asas.
 - 2 hingga 3 tahun di universiti luar negara bergantung kepada bidang pengajian dan universiti.

5. Senarai IPT yang Menawarkan Program

- Beberapa IPT di Malaysia yang menawarkan program twinning atau persediaan luar negara termasuk:

PROGRAM KHAS JPA-MARA

Program Khas JPA-MARA (PKJM) Tahun 2024 merupakan penajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pelajar Bumiputera cemerlang lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023 untuk mengikuti pengajian peringkat Persediaan dan Ijazah Pertama di dalam negara dan luar negara iaitu di negara Jepun, United Kingdom, Amerika Syarikat, India dan New Zealand dalam bidang-bidang berkaitan.

BIL	PROGRAM / BIDANG / NEGARA PENGAJIAN / KOLEJ PERSEDIAAN	SYARAT / GRED MINIMUM KEPUTUSAN SPM
1.	AKADEMIK JEPUN Bidang Kejuruteraan Negara Jepun Kolej Persediaan Ambang Asuhan Jepun Kod Program PKJM 001	Mendapat sekurang-kurangnya gred A dalam lima mata pelajaran berikut: a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Matematik Tambahan; d) Fizik; e) Kimia; Dan Mendapat sekurang-kurangnya gred A- dalam dua mata pelajaran berikut: a) Bahasa Inggeris; b) Sejarah.
2.	AKADEMIK JEPUN Bidang Sains & Teknologi Negara Jepun Kolej Persediaan Ambang Asuhan Jepun Kod Program PKJM 002	Mendapat sekurang-kurangnya gred A dalam lima mata pelajaran berikut: a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Matematik Tambahan; d) Fizik; e) Kimia; Dan Mendapat sekurang-kurangnya gred A- dalam dua mata pelajaran berikut: a) Bahasa Inggeris; b) Sejarah.

BIL	PROGRAM / BIDANG / NEGARA PENGAJIAN / KOLEJ PERSEDIAAN	SYARAT / GRED MINIMUM KEPUTUSAN SPM
3.	<p>AKADEMIK JEPUN</p> <p>Bidang Sains Sosial</p> <p>Negara Jepun</p> <p>Kolej Persediaan Pusat Bahasa Teikyo</p> <p>Kod Program PKJM 003</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A dalam empat mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Pendidikan Islam / Pendidikan Al- Quran dan As-Sunnah / Pendidikan Syariah Islamiah / Pendidikan Moral / Usul Al-Din / Al-Syariah / Turath Al- Quran Wa Al-Sunnah / Turath Dirasat Al-Islamiah; d) Satu mata pelajaran lain;</p> <p>Dan Mendapat sekurang-kurangnya gred A- dalam tiga mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Matematik Tambahan; b) Bahasa Inggeris; c) Sejarah.</p>
4.	<p>AKADEMIK UNITED KINGDOM</p> <p>Bidang Kejuruteraan</p> <p>Negara United Kingdom</p> <p>Kolej Persediaan Malay College Kuala Kangsar / Kolej Tunku Kurshiah</p> <p>Kod Program PKJM 004</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A dalam lima mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Matematik Tambahan; d) Fizik; e) Kimia;</p> <p>Dan Mendapat sekurang-kurangnya gred A- dalam dua mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Bahasa Inggeris; b) Sejarah.</p>
5.	<p>AKADEMIK UNITED KINGDOM</p> <p>Bidang Sains Sosial</p> <p>Negara United Kingdom</p> <p>Kolej Persediaan International Islamic School Malaysia</p> <p>Kod Program PKJM 005</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A dalam lima mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Pendidikan Islam / Pendidikan Al- Quran dan As-Sunnah / Pendidikan Syariah Islamiah / Pendidikan Moral / Usul Al-Din / Al-Syariah / Turath Al- Quran Wa Al-Sunnah / Turath Dirasat Al-Islamiah; d) Dua mata pelajaran lain;</p> <p>Dan Mendapat sekurang-kurangnya gred A- dalam dua mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Bahasa Inggeris; dan b) Sejarah.</p>

BIL	PROGRAM / BIDANG / NEGARA PENGAJIAN / KOLEJ PERSEDIAAN	SYARAT / GRED MINIMUM KEPUTUSAN SPM
6.	<p>AKADEMIK AMERIKA SYARIKAT</p> <p>Bidang Sains Komputer (terhad kepada AI, Robotic, Big Data, IoT, Data Science)</p> <p>Negara Amerika Syarikat</p> <p>Kolej Persediaan INTEC Education College</p> <p>Kod Program PKJM 006</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A dalam lima mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Matematik Tambahan; d) Fizik; e) Kimia;</p> <p>Dan Mendapat sekurang-kurangnya gred A- dalam dua mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Bahasa Inggeris; b) Sejarah.</p>
7.	<p>AKADEMIK AMERIKA SYARIKAT</p> <p>Bidang Ekonomi</p> <p>Negara Amerika Syarikat</p> <p>Kolej Persediaan INTEC Education College</p> <p>Kod Program PKJM 007</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A dalam lima mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Pendidikan Islam / Pendidikan Al- Quran dan As-Sunnah / Pendidikan Syariah Islamiah / Pendidikan Moral / Usul Al-Din / Al-Syariah / Turath Al- Quran Wa Al-Sunnah / Turath Dirasat Al-Islamiah; d) Dua mata pelajaran lain;</p> <p>Dan Mendapat sekurang-kurangnya gred A- dalam dua mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Bahasa Inggeris; dan b) Sejarah.</p>
8.	<p>KHAS INDIA</p> <p>Bidang Perubatan</p> <p>Negara India</p> <p>Kolej Persediaan Kolej MARA Kulim</p> <p>Kod Program PKJM 008</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A dalam enam mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Matematik Tambahan; d) Fizik; e) Biologi; f) Kimia;</p> <p>Dan Mendapat sekurang-kurangnya gred A- dalam dua mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Bahasa Inggeris; b) Sejarah.</p>

BIL	PROGRAM / BIDANG / NEGARA PENGAJIAN / KOLEJ PERSEDIAAN	SYARAT / GRED MINIMUM KEPUTUSAN SPM
9.	<p>BERKEMBAR NEW ZEALAND</p> <p>Bidang Perakaunan / Ekonomi / Kewangan</p> <p>Negara Malaysia dan New Zealand</p> <p>Kolej Persediaan Kolej Yayasan Saad Business School</p> <p>Kod Program PKJM 009</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A dalam lima mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Pendidikan Islam / Pendidikan Al- Quran dan As-Sunnah / Pendidikan Syariah Islamiah / Pendidikan Moral / Usul Al-Din / Al-Syariah / Turath Al- Quran Wa Al-Sunnah / Turath Dirasat Al-Islamiah; d) Dua mata pelajaran lain;</p> <p>Dan Mendapat sekurang-kurangnya gred A- dalam dua mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Bahasa Inggeris; dan b) Sejarah.</p>
10.	<p>SAINS DAN TEKNOLOGI NEW ZEALAND</p> <p>Bidang Sains dan Teknologi</p> <p>Negara New Zealand</p> <p>Kolej Persediaan INTEC Education College</p> <p>Kod Program PKJM 010</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A dalam lima mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Matematik Tambahan; d) Fizik; e) Kimia;</p> <p>Dan Mendapat sekurang-kurangnya gred A- dalam dua mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Bahasa Inggeris; b) Sejarah.</p>

Lain-lain Program Berkembar dan Persediaan Luar Negara

- Taylor's University – menawarkan program twinning dalam bidang kejuruteraan, perakaunan, dan sains sosial.
- International Medical University (IMU) – program berkembar dalam bidang perubatan dan farmasi.
- HELP University – twinning dalam bidang psikologi, perniagaan, dan komunikasi.
- INTI International University – menyediakan pelbagai program twinning dalam bidang kejuruteraan, sains komputer, dan perniagaan.
- Monash University Malaysia – menawarkan program persediaan untuk melanjutkan pengajian di Australia.
- Universiti Teknologi MARA (UiTM) – menawarkan program persediaan dalam bidang seperti perakaunan dan kejuruteraan.

6. Kaedah Permohonan

- Cara memohon ke program twinning atau persediaan luar negara adalah seperti berikut:
 - Program PKJM Luar Negara: Permohonan melalui laman web MARA <http://www.mara.gov.my>
 - Permohonan Langsung melalui Laman Web IPT: Pelajar boleh memohon secara terus melalui laman web IPT yang menawarkan program tersebut. Setiap institusi mempunyai proses dan syarat yang berbeza.
 - Temuduga atau Penilaian Tambahan: Sesetengah kursus memerlukan pelajar melalui temuduga atau ujian seperti ujian bahasa.

7. Peluang Pembiayaan

- Biasiswa dan pembiayaan pengajian disediakan untuk pelajar yang ingin melanjutkan pengajian ke luar negara:
 - JPA: JPA menyediakan Pinjaman Boleh Ubah (PBU) untuk pelajar cemerlang yang ditawarkan melanjutkan pengajian di luar negara dalam bidang kritikal seperti perubatan, kejuruteraan, dan sains.
 - MARA: Pembiayaan dari MARA tersedia untuk pelajar Bumiputera dalam pelbagai bidang.
 - Biasiswa IPT Swasta: Beberapa IPT swasta menawarkan biasiswa atau pinjaman pendidikan untuk meringankan kos pengajian.
 - Biasiswa Institusi Antarabangsa: Beberapa universiti luar negara turut menawarkan biasiswa kepada pelajar yang mempunyai keputusan akademik cemerlang.
 - Biasiswa Syarikat Korporat: Terdapat pelbagai syarikat yang menawarkan peluang biasiswa untuk pelajar cemerlang seperti Petronas, Shell dan Telekom Malaysia

8. Kelebihan Program

- Pengalaman Antarabangsa: Pelajar yang mengikuti program ini mendapat pengalaman unik belajar dan tinggal di negara lain, yang memperkayakan perspektif dan kemahiran komunikasi antarabangsa.
- Kelayakan yang Diiktiraf Secara Global: Ijazah dari universiti luar negara diiktiraf di peringkat antarabangsa, meningkatkan prospek kerjaya pelajar.
- Pembelajaran Berasaskan Praktikal: Kebanyakan universiti luar negara menawarkan kaedah pembelajaran yang berasaskan praktikal dan penyelesaian masalah, menjadikan graduan lebih bersedia untuk industri.
- Rangkaian Antarabangsa: Pelajar dapat membina rangkaian dengan rakan dari pelbagai negara, membuka peluang untuk kerjasama dan pertukaran ilmu.
- Kemahiran Bahasa: Program luar negara memerlukan pelajar berkomunikasi dalam bahasa Inggeris atau bahasa negara tersebut, meningkatkan kemahiran bahasa pelajar.
- Peluang Pekerjaan yang Lebih Luas: Graduan dari program luar negara sering menjadi pilihan utama majikan kerana kelayakan antarabangsa dan pengalaman mereka.

Ringkasan

Program Berkembar atau Persediaan Luar Negara adalah laluan yang ideal bagi pelajar yang ingin meneroka peluang pengajian di peringkat antarabangsa dengan bimbingan institusi tempatan. Program ini menyediakan laluan yang fleksibel dan pembiayaan yang pelbagai, menjadikannya pilihan yang baik bagi pelajar yang bercita-cita tinggi dan ingin mencapai kejayaan dalam peringkat global.



A-LEVEL

A-Level, atau Advanced Level, adalah program pra-universiti yang diiktiraf di seluruh dunia dan dikendalikan oleh badan peperiksaan antarabangsa seperti Cambridge Assessment International Education (CAIE) dan Pearson Edexcel. Program ini direka untuk memberi asas yang kukuh dalam bidang akademik kepada pelajar, khususnya dalam subjek teras seperti Sains, Matematik, dan Sains Sosial. A-Level biasanya mengambil masa 18 hingga 24 bulan untuk diselesaikan, dan ia melibatkan pembelajaran yang mendalam dalam subjek pilihan pelajar, memberi penekanan pada kemahiran analitik, penyelidikan, dan penyelesaian masalah. A-Level diiktiraf secara meluas dan menjadi syarat kemasukan utama ke universiti ternama di negara seperti United Kingdom, Australia, New Zealand, Amerika Syarikat, dan banyak negara lain.

1. Pilihan Subjek

- Pelajar perlu menentukan subjek-subjek yang ingin diambil untuk peperiksaan A Level. Terdapat dua tahap dalam A Level, iaitu AS Level (biasanya diambil pada tahun pertama) dan A2 Level (tahun kedua), di mana kedua-dua tahap ini digabungkan untuk mendapatkan gred akhir A Level.

2. Syarat Permohonan

- Untuk melanjutkan pelajaran ke program A-Level, pelajar biasanya perlu memenuhi syarat-syarat asas berikut:
 - Keputusan SPM: Minimum 5 kredit dalam mata pelajaran teras, termasuk Bahasa Inggeris dan Matematik.
 - Subjek Tambahan: Bagi mereka yang ingin mengambil subjek Sains, seperti Fizik, Kimia, atau Biologi, syarat tambahan seperti kredit dalam mata pelajaran tersebut mungkin diperlukan.
 - Lulus Bahasa Melayu dan Sejarah: Kebanyakan institusi di Malaysia juga mensyaratkan pelajar untuk lulus Bahasa Melayu dan Sejarah dalam SPM khususnya bagi pelajar yang berhasrat melanjutkan pengajian Sarjana Muda di IPTA.

3. Kelebihan A-Level

- Pengiktirafan Global: A-Level diiktiraf secara meluas oleh universiti dan institusi pengajian tinggi di seluruh dunia, khususnya di negara-negara seperti UK, Australia, Amerika Syarikat, dan Kanada.
- Pilihan Subjek Yang Fleksibel: Pelajar boleh memilih subjek mengikut minat dan laluan kerjaya mereka. Misalnya, pelajar yang ingin melanjutkan dalam bidang perubatan boleh memilih Biologi dan Kimia.
- Persediaan Akademik Yang Mendalam: Kurikulum A-Level yang mendalam dan mencabar membantu pelajar membina asas kukuh dalam bidang akademik yang diceburi. Ia memberi tumpuan pada kemahiran analitikal, penyelidikan, dan pemikiran kritis.
- Kebolehan Menyambung Pengajian ke Universiti Terkenal: Kebanyakan universiti ternama, termasuk Russell Group di UK, menerima A-Level sebagai kelayakan utama untuk kemasukan.
- Persiapan untuk Kursus Profesional: A-Level adalah laluan utama untuk pelajar yang bercita-cita untuk memasuki kursus profesional seperti perubatan, kejuruteraan, undang-undang, dan kewangan.

4. Institusi yang Menawarkan Program A-Level

- Secara umumnya, calon yang ingin menduduki peperiksaan A-Level tidak diwajibkan mengikuti program persediaan secara rasmi. Namun, mengambil program persediaan A-Level di institusi yang menawarkan kursus khusus dapat memberikan banyak manfaat, terutamanya kerana peperiksaan A-Level mempunyai standard akademik yang tinggi dan menekankan pemahaman yang mendalam dalam mata pelajaran yang dipilih. Antara Institusi yang menawarkan A Level adalah seperti berikut:
 - Taylor's College – Terkenal dalam bidang sains dan perniagaan, menawarkan A-Level Cambridge.
 - Sunway College – Menyediakan program A-Level Cambridge dan memiliki reputasi yang kukuh dalam kalangan pelajar antarabangsa.
 - INTI International College – Menyediakan kursus A-Level untuk pelajar yang ingin melanjutkan pengajian ke luar negara, khususnya dalam bidang sains dan kejuruteraan.
 - HELP University – Menawarkan program A-Level dengan reputasi akademik yang cemerlang.
 - KDU University College – Menyediakan A-Level dalam pelbagai aliran akademik.
 - Methodist College Kuala Lumpur (MCKL) – Menyediakan A-Level Cambridge dengan fokus pada kemajuan akademik dan kemahiran insaniah.

5. Kaedah Permohonan dan Pendaftaran

- Calon persendirian boleh membuat pendaftaran bagi peperiksaan A Level secara terus tanpa melalui institusi, atau calon juga boleh mendaftar melalui institusi di mana mereka mengikuti program persediaan. Berikut adalah dua kaedah untuk pendaftaran peperiksaan A Level:

6. Pendaftaran Sebagai Calon Persendirian

- Melalui Pusat Peperiksaan Berdaftar: Calon persendirian boleh mendaftar untuk peperiksaan A Level melalui pusat-pusat peperiksaan yang diiktiraf, seperti British Council di Malaysia, yang menawarkan peperiksaan A Level untuk calon persendirian.

7. Pendaftaran Melalui Institusi Persediaan

- Melalui Institusi yang Menawarkan Program A Level: Calon yang mendaftar melalui institusi persediaan (contohnya, kolej atau sekolah antarabangsa) akan dibantu oleh institusi tersebut untuk urusan pendaftaran peperiksaan.

8. Pengiktirafan A-Level untuk Menyambung Pengajian

- A-Level diiktiraf sebagai kelayakan pra-universiti utama untuk kemasukan ke universiti terkemuka di seluruh dunia. Pengiktirafan ini meliputi negara-negara seperti:
 - United Kingdom: A-Level diterima sebagai syarat kemasukan utama ke kebanyakan universiti, termasuk universiti terkemuka seperti University of Oxford, University of Cambridge, dan universiti lain dalam Russell Group.
 - Australia: Universiti seperti University of Melbourne dan Australian National University menerima A-Level sebagai kelayakan akademik utama.
 - Amerika Syarikat: Walaupun A-Level bukan kelayakan wajib, kebanyakan universiti di Amerika Syarikat mengiktiraf A-Level sebagai asas yang kuat untuk kemasukan. Universiti ternama seperti Harvard dan MIT biasanya menerima lepasan A-Level.
 - Kanada: Universiti seperti University of Toronto dan University of British Columbia mengiktiraf A-Level sebagai asas akademik untuk kemasukan.
 - Singapura: Universiti-universiti seperti National University of Singapore (NUS) dan Nanyang Technological University (NTU) mengiktiraf A-Level untuk kemasukan pelajar antarabangsa.

Di Malaysia, A-Level juga diterima sebagai kelayakan untuk kemasukan ke universiti awam dan swasta, khususnya bagi kursus perubatan, kejuruteraan, dan undang-undang.

Ringkasan

Program A-Level adalah pilihan yang sangat baik bagi pelajar yang bercita-cita untuk melanjutkan pengajian di universiti ternama dalam dan luar negara. Dengan pengiktirafan global, kurikulum yang mendalam, dan fleksibiliti dalam memilih subjek, A-Level menyediakan persediaan akademik yang menyeluruh untuk pelajar memasuki bidang profesional yang diinginkan.





INTERNATIONAL BACCALAUREATE (IB) DIPLOMA PROGRAMME

International Baccalaureate Diploma Programme (IBDP) adalah program pra-universiti selama dua (2) tahun yang diiktiraf di peringkat global, direka untuk membantu pelajar berusia 16 hingga 19 tahun membina kemahiran intelektual, sosial, dan emosional yang diperlukan untuk kejayaan akademik mereka. IB dikendalikan oleh International Baccalaureate Organization (IBO), yang berpusat di Switzerland, dan programnya terkenal kerana kurikulum yang komprehensif dan seimbang.

Program IBDP terdiri daripada enam kumpulan subjek utama:

1. Bahasa dan Kesusasteraan
2. Bahasa Kedua
3. Individu dan Masyarakat (seperti Sejarah, Geografi, Ekonomi)
4. Sains (seperti Biologi, Kimia, Fizik)
5. Matematik
6. Seni atau subjek tambahan dari mana-mana kumpulan lain

Selain subjek-subjek ini, pelajar IBDP juga perlu melengkapkan tiga komponen utama yang membentuk teras IB:

- Theory of Knowledge (TOK): Kursus yang mendorong pelajar berfikir kritis mengenai pengetahuan dan mengkaji bagaimana kita mengetahui apa yang kita ketahui.
- Extended Essay (EE): Penyelidikan bebas yang menghasilkan esei akademik sebanyak 4,000 patah perkataan.
- Creativity, Activity, Service (CAS): Program ko-kurikulum yang menekankan penglibatan dalam aktiviti kreativiti, aktiviti fizikal, dan perkhidmatan masyarakat.

Kesemua komponen ini bertujuan untuk membina individu yang serba boleh, dengan kemahiran yang melangkaui akademik.

1. Syarat Permohonan

- Untuk menyertai program IBDP, pelajar perlu memenuhi syarat-syarat umum berikut:
 - Keputusan SPM: Untuk permohonan IBDP di Institusi Awam, calon perlu mendapat minimum 7A dalam SPM. Bagi permohonan di Institusi Swasta pula, calon perlu mendapat keputusan SPM dengan minimum 5 kepujian.
 - Kelayakan Akademik: Pencapaian akademik yang tinggi dalam mata pelajaran tertentu mungkin diperlukan untuk subjek tertentu di dalam program IBDP.
 - Kelayakan Bahasa: Program IBDP menekankan kemahiran bahasa, jadi pelajar yang ingin menyertai program ini sebaiknya mempunyai kemahiran bahasa yang baik, terutama dalam Bahasa Inggeris.
 - Temuduga atau Ujian: Sesetengah institusi mungkin mengadakan temuduga atau ujian tambahan untuk memastikan pelajar bersedia untuk program yang mencabar

2. Institusi Yang Menawarkan Program IBDP

Institusi Awam:

- Kolej MARA di Malaysia menawarkan program IBDP khususnya bagi pelajar yang berminat melanjutkan pengajian ke peringkat antarabangsa, terutamanya dalam bidang profesional seperti perubatan, kejuruteraan, dan sains. Kolej-kolej MARA yang menawarkan program IB adalah:
 - **Kolej MARA Banting (KMB)** - Terletak di Selangor, KMB adalah pusat utama bagi program International Baccalaureate Diploma (IBDP) di bawah MARA. KMB terkenal dalam melatih pelajar untuk melanjutkan pengajian di universiti terkemuka di seluruh dunia.
 - **Kolej MARA Seremban (KMS)** - Selain program-program pra-universiti lain, KMS juga menawarkan IBDP dalam beberapa jurusan, dan melatih pelajar untuk melanjutkan pelajaran di dalam atau luar negara.
- Program IBDP di Kolej MARA ini terbuka kepada pelajar yang memenuhi syarat-syarat akademik yang ketat dan kebiasaannya disediakan untuk pelajar cemerlang yang disasarkan untuk pengajian tinggi di luar negara. Selain Kolej MARA, IBDP juga ditawarkan di beberapa sekolah berasrama penuh elit seperti Kolej Tunku Kurshiah (TKC), Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) dan Maktab Tentera DiRaja (MTD).

Institusi Swasta:

- International School of Kuala Lumpur (ISKL)
- Mont'Kiara International School (M'KIS)
- Marlborough College Malaysia
- Fairview International School
- The Alice Smith School
- Australian International School Malaysia (AISM)
- Garden International School
- Sri KDU International School

Ini adalah sebahagian institusi yang menawarkan Program Diploma IB yang diiktiraf dan mempunyai fasiliti dan kakitangan berpengalaman untuk menyokong pembelajaran pelajar.

3. Kaedah Permohonan

- Permohonan untuk International Baccalaureate Diploma Programme (IBDP) di Malaysia boleh dilakukan di institusi awam dan swasta yang diiktiraf oleh International Baccalaureate Organization (IBO). Berikut adalah kaedah permohonan bagi institusi awam dan swasta:

Institusi Awam

- Institusi awam yang menawarkan IBDP di Malaysia adalah terhad dan kebanyakannya adalah Sekolah Berasrama Penuh (SBP) atau Kolej MARA yang terpilih. Proses permohonan melalui Sistem Kementerian atau Agensi Berkenaan:
 - Untuk SBP, pelajar boleh memohon melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
 - Untuk Kolej MARA, permohonan biasanya dilakukan secara dalam talian melalui portal rasmi yang disediakan oleh MARA pada tarikh tertentu setiap tahun.

Institusi Swasta

- Institusi swasta yang menawarkan IBDP di Malaysia lebih meluas, termasuk sekolah antarabangsa dan kolej swasta. Proses permohonan di institusi swasta biasanya lebih fleksibel dan dibuat terus ke Institusi berkenaan.

4. Pengiktirafan IBDP untuk Menyambung Pengajian

- Diploma IB diiktiraf secara meluas di seluruh dunia dan diterima sebagai kelayakan utama untuk kemasukan ke universiti-universiti terkemuka, termasuk:
 - Amerika Syarikat: Universiti seperti Harvard, MIT, Stanford, dan Yale mengiktiraf IB dan sering menawarkan pengecualian kredit untuk kursus tertentu yang diambil semasa program IB.
 - United Kingdom: Universiti dalam Russell Group seperti Oxford, Cambridge, dan Imperial College menerima IB sebagai kelayakan utama untuk kemasukan ke kebanyakan kursus.
 - Australia: Universiti seperti University of Melbourne, Australian National University (ANU), dan University of Sydney mengiktiraf IB.
 - Kanada: University of Toronto, McGill University, dan University of British Columbia mengiktiraf IB sebagai kelayakan untuk kemasukan, dengan kredit akademik tambahan untuk pelajar IB.
 - Singapura: National University of Singapore (NUS) dan Nanyang Technological University (NTU) menerima pelajar IB dan menawarkan kredit tambahan untuk kursus tertentu.
- Di Malaysia, program IBDP juga diiktiraf sebagai kelayakan pra-universiti bagi kemasukan ke institusi pendidikan tinggi awam dan swasta, menjadikannya laluan alternatif yang bernilai bagi pelajar yang ingin meneruskan pengajian di Malaysia atau luar negara.

5. Kelebihan IBDP

- Pengiktirafan Global: IBDP diterima dan diiktiraf oleh universiti di seluruh dunia, termasuk universiti terkemuka di negara-negara seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, dan Kanada.
- Kemahiran Berfikir Kritis: Melalui subjek seperti Theory of Knowledge (TOK), IB menggalakkan pelajar berfikir secara kritis dan mengembangkan perspektif yang luas tentang isu-isu global.
- Kemahiran Penyelidikan: Extended Essay (EE) membantu pelajar mengasah kemahiran penyelidikan, yang menjadi persediaan terbaik untuk pembelajaran di peringkat universiti.
- Fleksibiliti dalam Subjek: IBDP menawarkan pilihan subjek yang luas, membolehkan pelajar menyesuaikan pengajian mereka dengan minat dan matlamat kerjaya masing-masing.
- Pengembangan Bahasa: Penguasaan dua bahasa dalam IBDP membantu pelajar menjadi lebih kompetitif dalam dunia pekerjaan yang semakin global.

Ringkasan

IBDP adalah program pra-universiti yang menawarkan pengalaman pembelajaran yang komprehensif dan berintegrasi, dengan penekanan pada pemikiran kritis, penyelidikan, dan pembangunan karakter. Dikenali dan diiktiraf di seluruh dunia, IB membuka laluan untuk pelajar melanjutkan pengajian di universiti terkemuka, menyediakan mereka bukan sahaja untuk pencapaian akademik tetapi juga pembangunan peribadi yang menyeluruh.



PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN (PISMP)

PISMP adalah program yang ditawarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Institut Pendidikan Guru (IPG) untuk melatih bakal guru dengan memberikan pendidikan asas sebelum mereka memasuki program ijazah sarjana muda dalam bidang pendidikan. Program ini disasarkan kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang berminat menjadi guru dalam pelbagai bidang pengkhususan bagi keperluan di sekolah rendah.

Pemohon yang berjaya ditawarkan pengajian dikehendaki mengikuti program persediaan PISMP selama satu tahun atau tiga semester di IPG yang ditetapkan oleh KPM sebelum diterima masuk ke Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di IPG yang mengambil masa 4 tahun untuk diselesaikan. PISMP disediakan bagi pelbagai bidang, termasuk Pendidikan Bahasa Melayu, Pendidikan Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, dan Pendidikan Khas.

1. Syarat Kelayakan Memohon Selepas SPM

Untuk memohon PISMP, calon perlu memenuhi syarat kelayakan berikut:

- SYARAT UMUM
 - Warganegara Malaysia
 - Umur tidak melebihi 20 tahun pada 30 Jun 2024
 - Sihat tubuh badan
 - Aktif dalam kegiatan kokurikulum
- SYARAT AKADEMIK
 - Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan memperoleh gred cemerlang dalam mana-mana lima (5) mata pelajaran.
- SYARAT PENGKHUSUSAN
- Keperluan gred SPM berbeza mengikut program pengkhususan. Semakan lanjut di laman web berikut: https://pismp.moe.gov.my/iklan_permohonan.cfm

2. Kaedah Permohonan

- Permohonan hanya boleh dibuat secara dalam talian (online) dengan melayari laman sesawang Kementerian Pendidikan Malaysia di alamat : <https://pismp.moe.gov.my> yang biasanya dibuka pada bulan Mac untukambilan Jun setiap tahun.
- Calon SPM/ STPM/ STAM/Matrikulasi tahun semasa boleh mengemukakan permohonan walaupun belum memiliki keputusan sebenar peperiksaan. Permohonan kebiasaannya akan mula dibuka pada bulan Mac hingga April setiap tahun.
- Tawaran program adalah tertakluk kepada calon yang berjaya dalam setiap peringkat berikut:
 - Memenuhi syarat kelayakan akademik
 - Lulus Saringan UKCG.
 - UKCG adalah ringkasan kepada Ujian Kelayakan Calon Guru. Calon yang terpilih perlu menduduki ujian psikometrik secara atas talian (e-UKCG) yang digunakan oleh IPGM KPM untuk menyaring calon-calon yang memohon latihan perguruan di IPG. Hanya calon yang lulus e-UKCG sahaja akan dipanggil untuk Ujian Kecergasan Fizikal dan Temuduga.
 - Ujian Kecergasan Fizikal (UKF)
 - Temuduga

3. Tempoh Pengajian

- Tempoh pengajian PISMP adalah 1 tahun (3 semester). Dalam tempoh ini, pelajar akan:
 - Mengikuti kursus asas pendidikan.
 - Mempelajari asas pedagogi dan teknik pengajaran.
 - Mengikuti kursus persediaan dalam bidang pengkhususan yang akan mereka ambil dalam PISMP.
- Selepas berjaya menyelesaikan program persediaan, pelajar layak untuk melanjutkan pengajian Sarjana Muda Pendidikan yang memerlukan 4 tahun pengajian tambahan, menjadikan keseluruhan tempoh pengajian sebanyak 5 tahun (1 tahun Persediaan + 4 tahun Sarjana Muda).

4. Kelebihan PISMP

- Tajaan Penuh: Pelajar yang diterima ke PISMP akan menerima biasiswa penuh dari Kementerian Pendidikan Malaysia, meliputi yuran pengajian, elaun sara hidup, dan sokongan akademik.
- Jaminan Penempatan Kerjaya: Graduan yang berjaya menamatkan PISMP akan ditempatkan sebagai guru di sekolah-sekolah rendah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Latihan Intensif dalam Pendidikan: PISMP memberikan asas pedagogi dan teknik pengajaran yang kukuh, mempersiapkan pelajar untuk menjalani latihan praktikal dengan keyakinan.
- Pengalaman Awal dalam Bidang Pengajaran: Pelajar memperoleh pengalaman awal dan praktikal melalui PISMP, yang mempersiapkan mereka untuk memahami cabaran dalam dunia pendidikan.
- Sistem Pembelajaran Tersusun: IPG mempunyai kurikulum yang khusus untuk membentuk guru berkualiti yang memenuhi keperluan pendidikan semasa negara, menjadikan graduan lebih kompeten dan profesional.

Ringkasan

PISMP merupakan laluan terbaik bagi pelajar yang bercita-cita menceburi kerjaya keguruan serta berminat dalam profesion pendidikan.



PROGRAM PENGHANTARAN PELAJAR CEMERLANG (PPC) TAJAJAN KPM (PENGAJIAN LUAR NEGARA)

Program Penghantaran Pelajar Cemerlang (PPC) adalah tajaan Biasiswa penuh daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kepada pelajar cemerlang lepasan SPM dan Matrikulasi yang ingin menyambung pengajian di peringkat Ijazah Pertama di luar negara mengikut syarat yang ditetapkan khususnya bagi memenuhi keperluan perkhidmatan khususnya untuk perkhidmatan keguruan di KPM setelah pelajar tamat belajar kelak.

Bidang Pengajian

Bidang-bidang yang ditawarkan dalam Program PPC adalah terbahagi kepada yang berikut:

- PPC Lulusan Matrikulasi: Bidang yang ditawarkan adalah semua bidang yang termasuk dalam kategori Science, Technology, Engineering & Mathematics (STEM).
- PPC Pendidikan Islam: Bidang yang ditawarkan adalah bidang Pengajian Islam dan Bahasa Arab

Syarat Permohonan

Calon-calon yang berminat untuk memohon penajaan di bawah program ini adalah daripada kategori berikut:

1. pelajar lepasan SPM (Bagi program PPC Pendidikan Islam); dan
2. pelajar Lulusan Matrikulasi (bagi Program PPC Matrikulasi).

Calon-calon juga mestilah memenuhi syarat kelayakan permohonan seperti berikut:

(I) Syarat Kelayakan PPC Pendidikan Islam:

- warganegara Malaysia;
- umur tidak melebihi 20 tahun pada tahun permohonan;
- sihat tubuh badan;
- aktif dalam kegiatan kokurikulum;
- lulus SPM dalam Aliran Agama dengan memperoleh sekurang-kurangnya tujuh (7) gred cemerlang;

- keutamaan diberikan kepada calon-calon berikut:
 - i. memperoleh gred cemerlang dalam matapelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Arab, Pendidikan Al-Quran dan al-Sunnah, Pendidikan Syariah Islamiah, Bahasa Inggeris dan Sejarah; dan
 - ii. Lulusan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) dan Sekolah Menengah Harian yang mengikuti Kelas Aliran Agama (KAA).

(II) Syarat Kelayakan PPC Matrikulasi:

- warganegara Malaysia;
- memperoleh PNGK 3.5 dan ke atas dalam Peperiksaan Semester 1 Program Matrikulasi (PSPM);
- memperoleh gred A bagi mata pelajaran dalam bidang pengajian yang dipilih dalam PSPM;
- memperoleh sekurang-kurangnya 5A dalam SPM;
- memperoleh sekurang-kurangnya Band 4 dalam Malaysian University English Test (MUET); dan
- memperoleh keputusan minimum B bagi Bahasa Inggeris 1119 dan English GCE-O Level di peringkat SPM dan skor 6.5 bagi IELTS.

Struktur Pengajian

Struktur pengajian yang ditawarkan dalam program PPC ini adalah seperti butiran berikut:

- PPC Lulusan Matrikulasi: Satu (1) bulan persediaan di Malaysia, tiga (3) tahun di peringkat ijazah pertama di luar negara & lapan belas (18) bulan di peringkat Diploma Pascasiswazah Pendidikan
- PPC Pendidikan Islam: Satu (1) bulan persediaan di Malaysia, empat (4) tahun di peringkat ijazah pertama di luar negara & lapan belas (18) bulan di peringkat Diploma Pascasiswazah Pendidikan

Ikatan Kontrak

Calon-calon yang berjaya ditawarkan penajaan di bawah program ini dan bersetuju untuk ditaja oleh KPM dan telah tamat jaya program ini adalah tertakluk kepada terma ikatan kontrak perjanjian KPM seperti berikut:

- Pelajar perlu berkhidmat dengan Kerajaan di bawah Skim Perkhidmatan Perguruan setelah tamat pengajian.
- Tempoh ikatan kontrak bersama kerajaan adalah selama lapan (8) tahun; dan
- Pelajar yang melanggar kontrak akan dikenakan tindakan penguatkuasaan perjanjian dengan bayaran ganti rugi kos sebenar.

Ringkasan

Program PPC ke luar negara tajaan KPM adalah peluang terbaik untuk pelajar cemerlang lulusan SPM yang berminat menceburi kerjaya keguruan khususnya dalam bidang-bidang kompetitif. Dengan tajaan penuh, pelajar dapat melanjutkan pengajian di universiti terkemuka luar negara dan menyumbang kepada pembangunan pendidikan negara.



SIJIL/ SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM)

Program Sijil dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) adalah laluan pendidikan dan latihan bagi pelajar lepasan SPM yang ingin membangunkan kemahiran khusus untuk pasaran kerjaya atau mendapatkan asas teori bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

- Program Sijil Akademik: Menyediakan asas teori untuk melanjutkan pengajian ke diploma atau memasuki dunia pekerjaan.
- Sijil Kemahiran Malaysia (SKM): Fokus pada latihan praktikal dalam bidang teknikal dan vokasional dengan tahap pensijilan yang diiktiraf oleh industri.

1. IPT yang Menawarkan Program

1. Program Sijil Akademik
 - IPTA: Politeknik, Kolej Komuniti, Universiti Teknologi MARA (UiTM - program khas).
 - IPTS: Kolej MSU, Kolej SEGi, Kolej UNITAR.
2. Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)
 - Akademi Kemahiran: GIATMARA, Institut Latihan Perindustrian (ILP), Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC).
 - Institusi Swasta: Semak senarai Pusat Bertauliah di : www.myspike.my

2. Syarat Kelayakan Permohonan

- Program Sijil Akademik:
 - Lulus SPM dengan 1 hingga 3 kepujian bergantung kepada program dan institusi.
 - Kelulusan subjek teras seperti Bahasa Melayu atau Matematik untuk bidang tertentu.
- Sijil Kemahiran Malaysia (SKM):
 - Lulus SPM (tanpa kredit boleh diterima untuk program tertentu).
 - Pelajar lepasan sekolah yang berminat dalam bidang teknikal dan vokasional.

3. Pengiktirafan dan Akreditasi

- Program Sijil Akademik: Diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) untuk memastikan kualiti dan kebolehpasaran graduan.
- Sijil Kemahiran Malaysia (SKM): Disahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) melalui Akta 652. SKM juga diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam beberapa bidang.

4. Tempoh Pengajian

- Program Sijil Akademik: 2 tahun (60 kredit).
- SKM: Tahap 1 hingga Tahap 3 mengambil masa antara 6 bulan hingga 2 tahun, bergantung pada tahap dan jenis kemahiran.

5. Laluan Pengajian Selepas Sijil atau SKM

- Program Sijil Akademik:
 - Melanjutkan ke program diploma di IPTA atau IPTS.
 - Bidang lanjutan bergantung pada sijil yang diperoleh (contoh: Sijil Kejuruteraan Diploma Kejuruteraan).
- Sijil Kemahiran Malaysia (SKM):
 - Melanjutkan ke Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) atau Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM).

6. Kaedah Permohonan

- Program Sijil Akademik:
 - Permohonan melalui UPUOnline untuk IPTA atau laman web rasmi IPTS.
- Sijil Kemahiran Malaysia (SKM):
 - Permohonan terus ke pusat kemahiran seperti GIATMARA, ILP, atau IKBN.
 - Temu duga atau ujian kemahiran mungkin diperlukan.

7. Pembiayaan Pengajian


- Program Sijil Akademik:
 - Biasiswa dan bantuan pendidikan oleh agensi kerajaan, Yayasan Negeri, atau institusi swasta.
- SKM:
 - Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK).
 - Subsidi penuh atau separa oleh kerajaan, khususnya untuk program di GIATMARA atau ILP.

8. Kelebihan Program

- Program Sijil Akademik:
 - Laluan ke diploma di IPT.
 - Memberi asas teori dan amali dalam bidang tertentu.
- SKM:
 - Fokus kepada latihan praktikal dan kebolehpasaran tinggi.
 - Laluan ke Diploma Kemahiran Malaysia (DKM)
 - Diiktiraf oleh industri tempatan dan antarabangsa.
 - Peluang pekerjaan yang lebih luas dalam bidang teknikal.

Ringkasan

Program Sijil dan SKM adalah pilihan yang fleksibel dan relevan untuk pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran atau memasuki pasaran kerja dengan kemahiran yang diperlukan oleh industri.



RINGKASAN DAN PERBANDINGAN LALUAN PENGAJIAN



Berikut adalah jadual perbandingan yang merangkumi jangka masa, tahap kesukaran, kelayakan SPM, dan peluang kerjaya dalam sektor berkaitan bagi laluan pendidikan lepasan SPM di Malaysia:

Laluan	Jangka Masa	Tahap Kesukaran	Kelayakan SPM	Peluang Kerjaya Sektor Berkaitan
STPM	1.5 - 2 tahun + 3 - 4 tahun (Sarjana Muda)	Tinggi (memerlukan disiplin dan komitmen)	Kredit Bahasa Melayu dan 3 Kredit mengikut keperluan aliran	Pelbagai bidang termasuk Pendidikan, Perkhidmatan Awam, Perubatan, Undang-undang, Kejuruteraan, Perniagaan, Penyelidikan.
STAM	1 tahun + 3 - 4 tahun (Sarjana Muda)	Tinggi (terutama dalam subjek agama)	Kredit Bahasa Melayu dan gred yang baik khususnya bagi subjek-subjek agama.	Pendidik dalam pendidikan Islam, Pegawai Perbankan Islam, Kaunselor, Pegawai Undang-undang Syariah.
Asasi	1 tahun + 3 - 4 tahun (Sarjana Muda)	Sederhana hingga tinggi (bergantung kepada bidang)	Minimum 5 kredit, syarat khusus bergantung kepada program asasi	Perubatan, Kejuruteraan, Sains, Undang-undang, Seni, Ekonomi.
Matrikulasi KPM	1 tahun + 3 - 4 tahun (Sarjana Muda)	Sederhana hingga tinggi	Lulus SPM dengan minimum 5 kredit, termasuk subjek teras	Perubatan, Kejuruteraan, Sains, dan bidang profesional lain bergantung kepada program ijazah.
Diploma	2 - 3 tahun + 2.5 - 3 tahun (Sarjana Muda)	Sederhana (lebih praktikal)	Minimum 3 kredit SPM serta mengikut keperluan bidang	Pelbagai bidang Teknikal, Pengurusan, Perakaunan, Perkhidmatan, Pengajian Perhotelan, Pemasaran.
DVM/DKM	2 - 3 tahun + 1 - 2 tahun (Sarjana Muda)	Sederhana (berdasarkan kemahiran)	Minimum 3 kredit, bergantung kepada program vokasional	Sektor Vokasional, Industri, Kejuruteraan, Automotif, Rekabentuk, Seni Kreatif.
Program Persediaan Luar Negara	1 - 2 tahun + 3 - 4 tahun (Sarjana Muda)	Sederhana hingga tinggi (bergantung kepada universiti)	Minimum 7A dalam SPM, bergantung kepada syarat universiti luar negara	Perubatan, Kejuruteraan, Sains, Perniagaan, dan pelbagai bidang lain di dalam dan luar negara.

RINGKASAN DAN PERBANDINGAN LALUAN PENGAJIAN

Laluan	Jangka Masa	Tahap Kesukaran	Kelayakan SPM	Peluang Kerjaya Sektor Berkaitan
A Level	1.5 - 2 tahun + 3 - 4 tahun (Sarjana Muda)	Tinggi (teori yang mendalam dan peperiksaan)	Minimum 5 kredit dalam SPM	Perubatan, Undang-undang, Kejuruteraan, Perniagaan, Seni, Sains Sosial, dan pelbagai bidang lain.
International Baccalaureate Diploma Programme (IBDP)	2 tahun + 3 - 4 tahun (Sarjana Muda)	Tinggi (penilaian holistik dan projek)	Minimum 7A dalam SPM untuk ke institusi awam	Perubatan, Kejuruteraan, Seni, Perniagaan, Pendidikan, Sains dan pelbagai bidang lain.
Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)	1 tahun Persediaan + 4 tahun (Sarjana Muda)	Sederhana (bergantung kepada bidang pendidikan)	Minimum 5 gred cemerlang dalam SPM	Pendidik di sekolah rendah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.
Sijil/ SKM	Sijil: 2 tahun SKM : 6 bulan hingga 2 tahun (bergantung pada tahap: SKM Tahap 1-3)	Sederhana (Asas teori dan praktikal)	Sijil: Minimum 1 hingga 3 kredit SPM bergantung pada bidang dan institusi. SKM: Lulus SPM	Sijil: Pembantu teknikal, pentadbiran, pemasaran, hospitaliti dan lain-lain mengikut bidang. Boleh melanjutkan ke diploma untuk kenaikan kerjaya. SKM: Juruteknik, pembantu mahir, pekerja teknikal industri, atau usahawan. Peluang menyambung pengajian peringkat DKM.
PPC KPM	1 bulan program persediaan di Malaysia dan 4 tahun pengajian ijazah di luar negara	Tinggi - memerlukan kecemerlangan akademik, disiplin tinggi, dan adaptasi dengan sistem pendidikan antarabangsa	Lepasan SPM- Minimum 7 gred cemerlang SPM Matrikulasi: PNGK minimum 3.5 dan 5 A dalam SPM	Guru KPM dalam bidang STEM, Bahasa dan Pengajian Islam

Nota Penting:

- **Jangka Masa:** Jangka masa yang dinyatakan adalah anggaran dan boleh berbeza mengikut institusi dan bidang pengajian.
- **Tahap Kesukaran:** Penilaian tahap kesukaran adalah subjektif dan boleh berbeza berdasarkan pengalaman pelajar dan minat individu.
- **Kelayakan:** Kelayakan SPM adalah umum dan mungkin berbeza berdasarkan keperluan khusus program di institusi tertentu.
- **Peluang Kerjaya Sektor Berkaitan:** Peluang kerjaya adalah pelbagai dan bergantung kepada kelayakan dan pilihan pendidikan. Pelajar disarankan untuk menyemak keperluan terkini di laman web rasmi institusi untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Membuat Pilihan
**YANG BETUL
& TEPAT**

FAKTOR SERTA KAEDAH MEMILIH BIDANG PENGAJIAN DAN IPT DENGAN TEPAT

Keputusan dalam memilih bidang pengajian dan IPT yang tepat dapat mempengaruhi bukan sahaja perjalanan akademik seseorang pelajar, tetapi juga peluang kerjaya dan kepuasan dalam jangka masa panjang. Dengan pelbagai pilihan program pengajian dan IPT yang ditawarkan, pelajar perlu mempertimbangkan beberapa faktor utama, termasuk minat peribadi, potensi akademik, prospek kerjaya, dan kemampuan kewangan.

Selain itu, memahami syarat kelayakan dan reputasi IPT, serta mengkaji bidang pengajian yang mempunyai permintaan tinggi dalam pasaran kerja, juga memainkan peranan penting dalam proses pemilihan. Kaedah pemilihan yang baik akan membantu pelajar membuat keputusan yang bijak dan mengelakkan risiko memilih bidang atau institusi yang tidak sesuai dengan matlamat dan minat masing-masing. Oleh itu, menyusun strategi dalam memilih bidang pengajian dan IPT adalah langkah kritikal yang memerlukan pertimbangan yang teliti dan penyelidikan yang mendalam.

Sebagai panduan, proses memilih bidang pengajian dan institusi pengajian tinggi memerlukan penelitian terhadap beberapa aspek berikut:

1. Minat dan Kebolehan Diri

- Faktor: Pemilihan bidang yang selari dengan minat dan kebolehan diri akan meningkatkan motivasi dan keupayaan pelajar untuk berjaya. Minat yang tinggi dalam satu bidang membantu pelajar lebih fokus dan tekun dalam pembelajaran.
- Kaedah: Pelajar boleh menjalankan penilaian sendiri melalui ujian psikometrik atau kerjaya seperti Ujian RIASEC (Holland Code) untuk memahami kecenderungan kerjaya yang sesuai.

Scan di sini untuk
Ujian RIASEC
(Holland Code)



2. Peluang Pekerjaan dan Prospek Kerjaya

- Faktor: Pelajar perlu memilih bidang yang mempunyai prospek kerjaya yang baik dan relevan dengan pasaran kerja. Prospek kerjaya membantu menentukan stabiliti kewangan dan kemajuan kerjaya pada masa hadapan.
- Kaedah: Lakukan penyelidikan tentang trend pasaran kerja melalui sumber seperti laman web pekerjaan (JobStreet, LinkedIn) atau laporan pekerjaan. Berdasarkan kajian ini, pelajar dapat memilih bidang yang memiliki peluang pekerjaan yang stabil.

3. Penarafan IPT dan Akreditasi Program

- Faktor: Penarafan (ranking) IPT dan akreditasi program menentukan kualiti pendidikan yang ditawarkan. Program yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) serta agensi antarabangsa akan menjamin kelayakan yang diiktiraf di peringkat tempatan dan antarabangsa. iii.
- Kaedah: Ibu bapa dan para pelajar boleh membuat semakan status sesuatu program akademik yang telah mendapat akreditasi penuh di Daftar Kelayakan Malaysia atau Malaysian Qualification Register (MQR) melalui pautan berikut: <https://www2.mqa.gov.my/mqr>. Semakan penarafan dan kedudukan IPT boleh juga dirujuk daripada laman web seperti QS World University Rankings. Faktor ini membantu pelajar membuat pilihan yang berinformasi.

Penarafan IPT oleh KPT merangkumi:

i. **Sistem Penarafan Bersepadu Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia (SETARA)**

mengukur jaminan kualiti dan standard semua universiti dan kolej universiti di Malaysia berdasarkan autonomi, kualiti dan prestasi institusi.; dan

ii. **Sistem Penilaian Kualiti dan Kesetaraan Kolej Swasta (MyQUEST)**

menilai tahap kualiti Kolej Swasta di Malaysia

Scan di sini
untuk semak
Penarafan IPT



4.Reputasi dan Kekuatan IPT dalam Bidang Pengajian Tertentu

- Faktor: Ada IPT yang dikenali kerana keunggulan dalam bidang tertentu. Contohnya, sesetengah universiti lebih diiktiraf dalam bidang sains dan teknologi, manakala yang lain mungkin terkenal dalam bidang perniagaan.
- Kaedah: Sebagai panduan, pelajar boleh merujuk laman web seperti Talent Bank yang mneyenaraikan pilihan universiti berdasarkan bidang pengajian.

Scan di sini untuk
semak Bidang
Kekuatan IPT



5.Kurikulum dan Struktur Program

- Faktor: Kurikulum yang sesuai dan relevan adalah penting untuk memastikan pelajar mendapat kemahiran yang diperlukan dalam industri. Struktur program juga perlu memenuhi keperluan pembelajaran pelajar, sama ada dari segi teori, praktikal, atau latihan industri.
- Kaedah: Pelajar boleh merujuk laman web IPT atau brosur program untuk melihat kandungan kursus yang ditawarkan dan memastikan ia memenuhi kehendak mereka.

6.Lokasi dan Kos Pengajian

- Faktor: Lokasi IPT mempengaruhi kos sara hidup dan keselesaan pelajar. Selain itu, kos pengajian secara keseluruhan (termasuk yuran pengajian dan perbelanjaan hidup) perlu dalam kemampuan pelajar atau keluarga.
- Kaedah: Pelajar boleh membuat anggaran kos pengajian dengan membandingkan yuran IPT dan perbelanjaan hidup di pelbagai lokasi. Mereka juga perlu menyemak bantuan kewangan atau biasiswa yang ditawarkan.

7.Sokongan dan Kemudahan IPT

- Faktor: Kemudahan yang disediakan seperti makmal, perpustakaan, pusat kaunseling, dan sokongan kerjaya adalah penting untuk membantu pelajar menyesuaikan diri dan mencapai prestasi yang baik dalam pengajian.
- Kaedah: Rujuk laman web IPT untuk maklumat mengenai kemudahan, atau kunjungi IPT untuk melihat secara langsung kemudahan yang ditawarkan.

BAGAIMANA MENENTUKAN MINAT DAN KECENDERUNGAN



Menentukan minat dan kecenderungan amat penting, terutamanya bagi pelajar yang sedang merancang masa depan akademik dan kerjaya mereka. Minat dan kecenderungan seseorang adalah asas dalam memilih bidang pengajian, jenis pekerjaan, dan gaya hidup yang ingin diceburi. Mengenali minat dan kecenderungan peribadi membantu seseorang membuat keputusan yang lebih bijak, memberikan motivasi yang lebih tinggi dalam pembelajaran, dan menyumbang kepada kepuasan hidup serta kejayaan jangka panjang.

Walau bagaimanapun, menentukan minat dan kecenderungan bukanlah sesuatu yang mudah, kerana ia memerlukan masa, refleksi diri, dan pemahaman tentang kekuatan dan kelemahan diri. Beberapa kaedah boleh digunakan untuk mengenal pasti minat, seperti menjalani ujian personaliti, menghadiri program kaunseling kerjaya, mencuba pelbagai aktiviti, dan mengambil kira maklum balas daripada orang sekeliling. Dengan memahami kaedah ini, pelajar dapat mengenal pasti potensi sebenar diri dan memilih laluan yang sesuai dengan minat serta kecenderungan mereka, seterusnya meningkatkan peluang untuk berjaya dalam jangka masa panjang.

Untuk memastikan pilihan yang dibuat adalah tepat, pelajar boleh merujuk panduan berikut dengan beberapa langkah yang boleh diambil:

****Ambil Penilaian Kerjaya dan Personaliti****

Kaji selidik boleh memberikan gambaran mengenai kecenderungan, kekuatan, dan minat yang mungkin tidak disedari oleh pelajar. Dengan menggunakan kaedah ini, pelajar dapat menilai pilihan mereka secara lebih objektif berdasarkan maklumat dan data yang relevan.

Langkah pertama dalam proses ini adalah membuat kaji selidik yang disesuaikan dengan soalan-soalan yang berkaitan dengan minat, hobi, kebolehan, dan aspirasi pelajar. Soalan-soalan ini boleh merangkumi pelbagai bidang seperti kemahiran komunikasi, pemikiran kritikal, kreativiti, dan kecenderungan terhadap kerja berpasukan atau kerja individu. Terdapat juga ujian kecenderungan dan personaliti seperti Holland Code (RIASEC), Myers-Briggs Type Indicator (MBTI), dan Big Five Personality Test yang boleh membantu pelajar memahami diri mereka dengan lebih mendalam.



****Berbincang dengan Pakar atau Individu Berpengalaman****

Interaksi dengan pakar atau individu yang berpengalaman dalam bidang tertentu membolehkan pelajar mendapatkan pandangan langsung mengenai realiti kerja dalam bidang tersebut, cabaran yang mungkin dihadapi, kemahiran yang diperlukan, serta potensi kerjaya jangka panjang.

Melalui perbincangan ini, pelajar berpeluang untuk bertanya soalan dan mendapatkan penjelasan yang lebih spesifik, sesuai dengan minat dan aspirasi mereka. Sebagai contoh, jika seorang pelajar berminat dalam bidang kejuruteraan, berbincang dengan seorang jurutera atau pensyarah dalam bidang tersebut dapat memberi gambaran yang lebih jelas tentang apa yang sebenarnya terlibat dalam kerjaya kejuruteraan, serta cabang-cabang yang berpotensi seperti kejuruteraan awam, elektrik, atau mekanikal. Maklumat ini sering kali tidak tersedia dalam buku atau artikel, kerana pengalaman peribadi seseorang dalam bidang tersebut memberikan perspektif yang lebih "hidup" dan relevan.

Selain itu, bimbingan dari kaunselor kerjaya juga sangat membantu dalam proses ini. Kaunselor dapat menggunakan pelbagai alat penilaian, seperti ujian psikometrik atau ujian personaliti, untuk membantu pelajar mengenal pasti kecenderungan dan kekuatan mereka. Berdasarkan keputusan ujian tersebut, kaunselor dapat mencadangkan beberapa bidang pengajian atau kerjaya yang sesuai dengan profil pelajar. Di samping itu, kaunselor juga kebiasaannya mempunyai jaringan dengan pelbagai industri dan dapat membantu menghubungkan pelajar dengan para profesional dalam bidang yang diminati.



****Meningkatkan Pemahaman Melalui Pembacaan Sumber yang Berkaitan****

Pembacaan sumber yang berkaitan merangkumi artikel, buku dan laporan kerjaya yang menyediakan maklumat mengenai pasaran kerja dan perkembangan industri terkini. Sumber seperti laman web kaunseling kerjaya, portal pendidikan, dan blog industri profesional dapat membantu pelajar memahami bidang-bidang yang mungkin tidak diketahui sebelum ini, seperti sains data, teknologi hijau, atau pengurusan perniagaan kreatif. Membaca biografi tokoh-tokoh yang berjaya dalam pelbagai bidang juga boleh memberi inspirasi dan wawasan mengenai bagaimana mereka menemui minat dan kejayaan dalam kerjaya mereka.

Di samping itu, pembacaan membolehkan pelajar menganalisis dan membandingkan pelbagai pilihan berdasarkan minat dan kecenderungan peribadi. Pelajar dapat menilai sama ada bidang yang diminati sesuai dengan kemahiran dan kekuatan mereka. Sebagai contoh, pelajar yang berminat dalam bidang kesihatan boleh membaca tentang peranan dalam kejururawatan, farmasi, atau terapi fizikal dan mengenal pasti kemahiran tertentu yang diperlukan untuk setiap kerjaya tersebut.

Melalui pembacaan berterusan, pelajar bukan sahaja dapat meningkatkan pengetahuan mereka, tetapi juga membuat keputusan yang lebih terarah dan berinformasi. Ini memberi kelebihan dalam memilih laluan pengajian dan kerjaya yang sesuai dengan minat dan kecenderungan sebenar, sekaligus memaksimumkan peluang untuk berjaya dan meraih kepuasan dalam kerjaya di masa hadapan.



Bidang Pilihan
**DAN PROSPEK
KERJAYA**

PILIHAN KERJAYA DAN KELAYAKAN AKADEMIK/ PROFESIONAL YANG DIPERLUKAN



Mengetahui serta memahami jenis kerjaya dan kelayakan yang diperlukan adalah aspek utama dalam perancangan masa depan. Apabila pelajar memahami jenis kerjaya yang ada serta kelayakan yang diperlukan, mereka dapat menetapkan matlamat yang lebih jelas dan terarah dalam laluan pendidikan mereka. Pengetahuan ini membantu pelajar membuat pilihan yang sesuai dengan minat, kecenderungan, dan kekuatan mereka, sambil memastikan bahawa pelajar mengikuti laluan pendidikan yang memenuhi syarat dan keperluan industri yang diminati.

Dengan mengetahui kelayakan akademik atau profesional yang diperlukan untuk kerjaya tertentu, pelajar boleh merancang perjalanan pendidikan mereka dengan lebih baik. Misalnya, pelajar yang berminat menjadi doktor perlu memahami bahawa kerjaya ini memerlukan kelayakan dalam bidang perubatan, termasuk ijazah perubatan dan latihan amali yang ketat. Begitu juga, kerjaya dalam bidang undang-undang memerlukan kelulusan undang-undang dan latihan praktikal sebelum seseorang boleh berkhidmat sebagai peguam. Tanpa pengetahuan ini, pelajar mungkin terlepas langkah penting dalam laluan pendidikan mereka, yang boleh menjejaskan keupayaan mereka untuk mencapai matlamat kerjaya tersebut.

Pengetahuan mengenai kelayakan juga membantu pelajar dalam memilih program pengajian yang sesuai di peringkat awal, sama ada memilih program pra-universiti, diploma dan seterusnya ijazah sarjana muda yang selari dengan keperluan kerjaya diinginkan. Ini penting kerana sesetengah kerjaya mempunyai syarat kelayakan yang khusus atau memerlukan akreditasi tertentu. Sebagai contoh, bidang kejuruteraan dan perakaunan memerlukan akreditasi dan pengiktirafan profesional sebelum seseorang boleh bekerja dalam bidang tersebut. Dengan mengetahui perkara ini, pelajar dapat memastikan bahawa institusi pengajian yang mereka pilih menawarkan program yang diiktiraf oleh badan profesional yang berkaitan.

Selain itu, memahami jenis kerjaya dan kelayakan yang diperlukan juga membantu pelajar dalam merancang pembangunan diri secara holistik. Mereka bukan sahaja memerlukan kelayakan akademik tetapi juga kemahiran insaniah (soft skills) seperti komunikasi, kepimpinan, dan pengurusan masa, yang semakin penting dalam dunia pekerjaan moden. Pengetahuan awal tentang keperluan ini mendorong pelajar untuk membina kemahiran tambahan sepanjang tempoh pengajian mereka, menjadikan pelajar lebih kompetitif apabila memasuki pasaran kerja.

PILIHAN KERJAYA DAN KELAYAKAN AKADEMIK/ PROFESIONAL YANG DIPERLUKAN

Berikut adalah beberapa contoh kerjaya dan kelayakan yang diperlukan:

Doktor atau Pakar Perubatan

Memerlukan ijazah perubatan (MBBS) serta latihan lanjutan. Pelajar perlu melalui program pra-universiti seperti A-Level atau STPM.



Jurutera

Bidang kejuruteraan memerlukan ijazah dalam bidang khusus seperti kejuruteraan mekanikal, elektrik, atau awam.

Pakar IT atau Sains Data

Peluang kerjaya dalam bidang ini semakin berkembang, dan ijazah dalam teknologi maklumat, sains komputer, atau sains data diperlukan. Kemahiran tambahan dalam pengaturcaraan atau analisis data juga memberi kelebihan dalam industri ini.



Pereka Grafik/ Animator

Diploma atau ijazah dalam bidang seni, rekaan grafik, atau animasi diperlukan. Bakat kreatif dan kemahiran teknikal dalam perisian rekaan juga diutamakan.



Pendidik atau Pensyarah

Perlu kelayakan dalam pendidikan (diploma atau ijazah) dan untuk peringkat universiti, memerlukan ijazah sarjana atau doktor falsafah.



Pengurus Perniagaan atau Kewangan

Kebanyakan jawatan dalam bidang ini memerlukan sekurang-kurangnya ijazah dalam perniagaan, kewangan, atau perakaunan. Kelayakan profesional seperti ACCA atau CFA menambah nilai kepada kerjaya.

Kenali IPT
DAN
KELEBIHANNYA

KENALI IPT DAN KELEBIHANNYA

Memilih IPT yang sesuai memerlukan pertimbangan pelbagai faktor seperti reputasi akademik, kemudahan yang disediakan, bidang pengajian yang ditawarkan, serta peluang kerjaya yang tersedia untuk graduan. Dengan membuat perbandingan antara IPT, pelajar boleh menilai kelebihan setiap institusi dan bagaimana ia dapat menyokong perkembangan akademik dan profesional mereka.

Pertama, perbandingan IPT membolehkan pelajar mengenal pasti reputasi akademik dan kepakaran bidang yang ditawarkan oleh setiap institusi. Sebagai contoh, sesetengah IPT mempunyai kekuatan khusus dalam bidang kejuruteraan, perubatan, atau teknologi maklumat, manakala yang lain mungkin cemerlang dalam bidang seni, perniagaan, atau sains sosial. Memilih IPT yang mempunyai kelebihan dalam bidang yang diminati memberi pelajar akses kepada fakulti yang berpengalaman, peralatan yang lebih lengkap, serta peluang penyelidikan yang lebih baik.

Selain itu, dengan membuat perbandingan, pelajar dapat menilai kemudahan dan perkhidmatan sokongan yang disediakan oleh setiap IPT. Sesetengah institusi menyediakan kemudahan seperti makmal moden, perpustakaan yang komprehensif, dan pusat sukan yang lengkap, yang boleh meningkatkan pengalaman pembelajaran dan pembangunan peribadi pelajar. Di samping itu, kemudahan perkhidmatan kaunseling, peluang pembangunan kerjaya, dan pusat bantuan pelajar juga memainkan peranan penting dalam membantu pelajar mengatasi cabaran akademik dan persiapan untuk memasuki dunia pekerjaan.

Kadar kebolehpasaran graduan juga merupakan faktor penting yang boleh dibandingkan antara IPT. Institusi yang mempunyai rangkaian industri yang kukuh dan program latihan amali dapat meningkatkan peluang pelajar untuk mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian. Sebagai contoh, IPT yang mempunyai kerjasama dengan syarikat-syarikat terkemuka dalam industri berpotensi untuk memberikan pengalaman praktikal kepada pelajar melalui latihan industri, sekaligus meningkatkan profil graduan mereka di mata majikan.

Di samping itu, perbandingan kos dan kewangan juga membantu pelajar membuat keputusan berdasarkan kemampuan mereka. Sesetengah IPT menawarkan program biasiswa, bantuan kewangan, atau yuran pengajian yang lebih berpatutan. Dengan membandingkan kos di IPT yang berbeza, pelajar dapat merancang kewangan dengan lebih baik dan mengelakkan tekanan kewangan sepanjang pengajian.

Secara keseluruhannya, membuat perbandingan IPT dan menilai kelebihan setiap institusi adalah penting bagi pelajar supaya dapat membuat pilihan yang bijak dan sesuai dengan keperluan, minat, dan matlamat jangka panjang mereka. Langkah ini memberi pelajar keyakinan untuk menempuh alam pengajian tinggi dengan persediaan yang baik dan memastikan pelajar mendapat manfaat maksimum daripada pengalaman akademik dan kemahiran yang diperoleh.

Antara kategori IPT yang menawarkan peluang pengajian untuk lepasan SPM adalah seperti berikut:

Terdapat beberapa kategori Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia yang menawarkan peluang pengajian untuk lepasan SPM. Setiap kategori mempunyai ciri-ciri tersendiri, termasuk jenis program yang ditawarkan, tempoh pengajian, dan tahap pengkhususan. Berikut adalah kategori IPT utama di Malaysia yang sesuai untuk lepasan SPM:

1. Universiti Awam (UA)

- Contoh: Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Program untuk Lulusan SPM: Program Asasi, Diploma.
- Ciri-ciri: Universiti Awam menawarkan program pra-universiti seperti Asasi yang disediakan khusus sebagai laluan persediaan ke peringkat ijazah sarjana muda. Lulusan SPM juga boleh memohon program diploma di sesetengah universiti awam.

KENALI IPT DAN KELEBIHANNYA

2. Politeknik

Politeknik dikategorikan berdasarkan tahap program yang ditawarkan serta pengkhususan tertentu. Berikut adalah kategori utama politeknik yang boleh menjadi pilihan bagi pelajar lepasan SPM:

• Politeknik Premier

- Ciri-ciri:
 - Menawarkan program Diploma dan program Ijazah Sarjana Muda yang berfokuskan kemahiran teknikal.
 - Politeknik Premier mempunyai kedudukan akademik dan fasiliti yang lebih setara dengan universiti awam.
 - Memiliki reputasi dan pengiktirafan yang tinggi dalam bidang tertentu, seperti kejuruteraan, teknologi maklumat, dan perniagaan.
 - Program yang ditawarkan lebih komprehensif, dengan peluang penyelidikan dan latihan industri yang luas.
- Terdapat 3 Politeknik bertaraf Politeknik Premier:
 - Politeknik Ungku Omar (PUO) di Perak
 - Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) di Selangor
 - Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) di Johor.
- Pengkhususan: Program teknikal, teknologi, dan pengurusan yang berorientasikan industri.

• Politeknik Konvensional

- Ciri-ciri:
 - Menawarkan program Diploma dan Sijil dalam pelbagai bidang teknikal dan vokasional.
 - Memberi tumpuan kepada kemahiran praktikal serta latihan yang berorientasikan pekerjaan.
 - Program lebih fokus kepada persiapan pelajar untuk memasuki pasaran kerja setelah tamat pengajian, dengan peluang latihan amali.
- Contoh: Politeknik Kota Bharu (PKB), Politeknik Seberang Perai (PSP), Politeknik Kuching (PKS).
- Pengkhususan: Kejuruteraan, perniagaan, teknologi maklumat, hospitaliti, dan pengurusan.

• Politeknik METrO

- Ciri-ciri:
 - Fokus kepada program yang memenuhi keperluan industri dan komuniti setempat, dengan lebih banyak kursus jangka pendek dan fleksibel.
 - Menawarkan program Diploma dan kursus jangka pendek bagi pelajar lepasan SPM yang berminat untuk mempelajari kemahiran khusus.
 - Program di Politeknik METrO lebih sesuai untuk pelajar yang ingin mendapat kemahiran teknikal dalam masa singkat dan cepat untuk memasuki alam pekerjaan.
- Politeknik bertaraf Politeknik METrO adalah seperti berikut:
 - Politeknik METrO Kuala Lumpur (PMKL)
 - Politeknik METrO Kuantan (PMKU)
 - Politeknik METrO Johor Bahru (PMJB)
 - Politeknik METrO Betong (PMB)
 - Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG)
- Pengkhususan: Kursus dalam bidang perkhidmatan, hospitaliti, teknologi asas, serta kemahiran yang relevan dengan ekonomi tempatan.

KENALI IPT DAN KELEBIHANNYA

3. Kolej Komuniti

- Contoh: Kolej Komuniti Kota Tinggi, Kolej Komuniti Hulu Langat.
- Program untuk Lulusan SPM: Sijil, program jangka pendek.
- Ciri-ciri: Kolej Komuniti menawarkan program sijil dalam tempoh yang lebih singkat dan berfokuskan kepada kemahiran asas serta program teknikal. Sesuai untuk pelajar yang ingin cepat bekerja atau meningkatkan kemahiran praktikal.

4. Institut Pendidikan Guru (IPG)

- Contoh: IPG Kampus Bahasa Melayu, IPG Kampus Sultan Mizan.
- Program untuk Lulusan SPM: Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP).
- Ciri-ciri: IPG menawarkan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) bagi pelajar yang berminat menjadi guru. Program ini bermula dengan kursus persediaan dan diteruskan dengan ijazah perguruan dalam tempoh 5-6 tahun.

5. Kolej Vokasional (KV)

- Kini, terdapat 87 buah KV menawarkan pengajian dalam pelbagai program vokasional di peringkat SVM dan DVM seperti Kolej Vokasional Kluang, Kolej Vokasional Muar, Kolej Vokasional Alor Setar dan Kolej Vokasional Langkawi.
- Program untuk Lulusan SPM: Diploma Vokasional Malaysia (DVM), Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).
- Ciri-ciri: KV dan SMT menawarkan laluan berfokuskan kemahiran vokasional seperti kejuruteraan, automotif, kulinari, dan sebagainya. Program ini menyediakan kemahiran teknikal yang diperlukan dalam pelbagai sektor pekerjaan.

6. Universiti dan Kolej Swasta

- Contoh: Sunway University, Taylor's University, Asia Pacific University (APU).
- Program untuk Lulusan SPM: Asasi, Diploma, A-Level, IBDP.
- Ciri-ciri: IPT swasta menawarkan pelbagai program seperti Asasi, A-Level, dan program diploma. Pelajar boleh memilih program yang sesuai mengikut bidang yang diminati, dengan kelebihan fleksibiliti dalam penjadualan dan kurikulum yang biasanya lebih berorientasikan industri.

7. Pusat Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

- Sehingga kini terdapat 15 buah Kolej Matrikulasi di bawah kendalian KPM.
- Program untuk Lulusan SPM: Program Matrikulasi.
- Ciri-ciri: Program Matrikulasi adalah program persediaan untuk lepasan SPM yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah di universiti awam. Tempoh pengajian biasanya 1 tahun atau 2 tahun (mengikut jurusan), dan tertumpu kepada bidang sains dan akaun.

8. Institut Latihan Kemahiran Awam(ILKA)

- Contoh: Institut Latihan Perindustrian (ILP), Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC).
- Program untuk Lulusan SPM: Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM).
- Ciri-ciri: ILK adalah institusi latihan yang menawarkan program kemahiran dalam pelbagai bidang teknikal seperti elektrik, automotif, dan kejuruteraan. Program ini bertujuan untuk menyediakan pelajar dengan kemahiran praktikal yang diperlukan dalam sektor industri.


9. Pusat Persediaan Luar Negara

- Contoh: Malaysia Japan Higher Education Program (MJHEP), Yayasan Khazanah.
- Program untuk Lulusan SPM: Program persediaan A-Level, International Baccalaureate (IBDP), dan program pra-universiti lain.
- Ciri-ciri: Pusat ini menyediakan pelajar dengan persediaan akademik untuk melanjutkan pelajaran ke universiti luar negara. Program yang ditawarkan biasanya berorientasikan kurikulum antarabangsa seperti A-Level dan IBDP, yang diiktiraf di peringkat global.

IPTA ATAU IPTS: MANA YANG LEBIH BAIK?

Berikut adalah jadual perbandingan antara mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) di Malaysia sebagai panduan. Jadual ini menyentuh pelbagai aspek yang relevan berkaitan institusi pengajian tinggi sebagai rujukan dan pemahaman berkaitan kedua-dua institusi.


ASPEK	IPTA	IPTS	PERSAMAAN
Kos Pengajian	Kos lebih rendah, disubsidi oleh kerajaan, lebih berpatutan bagi kebanyakan rakyat Malaysia [MOHE] [World Bank Report]	Kos lebih tinggi kerana dibiayai oleh pihak swasta dan yuran yang lebih besar, terutama bagi kursus teknikal [QS World University Rankings] [MOHE]	Kedua-duanya menawarkan pilihan pembiayaan melalui biasiswa atau pinjaman pendidikan seperti PTPTN [PTPTN] [JPA]
Biasiswa & Pembiayaan	Lebih banyak biasiswa kerajaan seperti JPA, MARA dan PTPTN yang menyasarkan pelajar tempatan [MOHE] [JPA]	Selain kadar pinjaman PTPTN yang lebih tinggi, kebanyakan IPTS menyediakan biasiswa sendiri atau yaysan untuk pelajar berprestasi tinggi. Agensi kerajaan seperti MARA juga turut menyediakan pinjaman pendidikan untuk pengajian di sebahagian IPTS [MOHE] [QS World University Rankings]	Kedua-duanya menawarkan bantuan kewangan bergantung kepada keperluan kewangan dan prestasi akademik pelajar [PTPTN] [JPA] [World Bank Report]
Pengiktirafan Akademik	Diakreditasi oleh MQA dan diiktiraf dalam sektor awam dan swasta domestik [MQA] [MOHE]	Diakreditasi oleh MQA dan sebahagian institusi antarabangsa serta menjadi pilihan industri swasta dan pasaran global [MQA] [QS World University Rankings]	Kedua-dua institusi harus memenuhi syarat MQA untuk kualiti akademik yang setara [MQA] [MOHE]



IPTA ATAU IPTS: MANA YANG LEBIH BAIK?

ASPEK	IPTA	IPTS	PERSAMAAN
Tenaga Pengajar	Tenaga pengajar berkelayakan tinggi dan terlibat dalam penyelidikan aktif, memberikan input akademik yang kukuh 【MOHE】 【World Bank Report】	Tenaga pengajar dengan pengalaman industri yang khusus, relevan bagi kursus berorientasi profesional 【MOHE】 【QS World University Rankings】	Kedua-duanya menawarkan tenaga pengajar berkelayakan tinggi, walaupun dengan fokus pengalaman yang berbeza 【MOHE】 【JPA】
Kemudahan & Infrastruktur	Infrastruktur penyelidikan besar, disokong oleh kerajaan, kemudahan komprehensif bagi pelbagai bidang 【MOHE】 【World Bank Report】	Kemudahan moden untuk bidang tertentu, terutamanya teknologi dan perubahan, di IPTS ternama seperti Monash dan Nottingham 【QS World University Rankings】	Kedua-dua jenis institusi menyediakan kemudahan pengajaran asas yang mencukupi bagi proses pembelajaran 【MOHE】 【JPA】
Jaringan Industri	Hubungan erat dengan sektor awam, turut mendapat sokongan industri tempatan untuk latihan praktikal 【MOHE】 【World Bank Report】	Menjalin kerjasama kuat dengan syarikat swasta tempatan dan antarabangsa, menyediakan latihan praktikal yang selari dengan kehendak pasaran global 【QS World University Rankings】 【World Bank Report】	Kedua-duanya menyediakan latihan industri untuk meningkatkan pengalaman praktikal pelajar dalam persekitaran pekerjaan 【MOHE】 【JPA】 【QS World University Rankings】

IPTA ATAU IPTS: MANA YANG LEBIH BAIK?



ASPEK	IPTA	IPTS	PERSAMAAN
Saiz Kelas & Fokus Pengajaran	Kelas lebih besar, menggalakkan pembelajaran sendiri tetapi perhatian lebih terhad bagi setiap pelajar 【MOHE】 【World Bank Report】	Kelas lebih kecil, lebih banyak peluang untuk interaksi langsung dan perhatian individu dari tenaga pengajar 【MOHE】 【QS World University Rankings】	Kedua-duanya menawarkan pembelajaran berkualiti, dengan kelas mengikut kapasiti setiap institusi 【JPA】 【MOHE】
Syarat Kemasukan Program	Lebih ketat: IPTA biasanya mempunyai syarat kemasukan yang lebih ketat, berfokus pada pencapaian akademik pelajar (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2022).	Lebih fleksibel: IPTS mungkin menawarkan kemasukan yang lebih mudah, mengambil kira pengalaman dan latar belakang pelajar (World Bank, 2021).	Kedua-duanya memerlukan kelayakan untuk kemasukan, tetapi dengan pendekatan yang berbeza.
Had Enrolmen Pelajar	Pengambilan terhad: IPTA sering mempunyai had enrolmen yang lebih ketat berdasarkan kuota kerajaan (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2022).	Pengambilan lebih luas: IPTS sering lebih fleksibel dalam pengambilan pelajar dan tidak terikat kepada kuota yang sama (World Bank, 2021).	Kedua-duanya berusaha untuk mengekalkan kualiti pendidikan dalam pengambilan pelajar.
Kepelbagaian Kursus	Pelbagai kursus tradisional dan penyelidikan komprehensif, termasuk kejuruteraan dan sains sosial 【MOHE】 【JPA】	Menyediakan kursus unik dan niche seperti reka bentuk permainan dan pemasaran digital, bergantung kepada kehendak pasaran 【MOHE】 【World Bank Report】	Kedua-duanya memberi pilihan pelbagai kursus yang relevan dengan keperluan pasaran semasa 【MOHE】 【JPA】
Pengambilan Pelajar Antarabangsa	Pengambilan pelajar antarabangsa adalah terhad dan kebanyakannya di peringkat pasca siswazah 【World Bank Report】 【MOHE】	IPTS dengan penarafan yang tinggi menerima ramai pelajar antarabangsa termasuk di peringkat diploma dan sarjana muda 【QS World University Rankings】 【MOHE】	Kedua-duanya menerima pelajar antarabangsa untuk kursus terpilih yang memenuhi kriteria global 【MOHE】 【World Bank Report】

IPTA ATAU IPTS: MANA YANG LEBIH BAIK?

Secara amnya, IPTA dan IPTS masing-masing mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing, yang perlu disesuaikan oleh pelajar dengan keperluan, kemampuan dan matlamat kerjaya yang berbeza.

IPTA lebih sesuai bagi mereka yang mencari pendidikan yang lebih berpatutan dan akses kepada biasiswa kerajaan, sementara IPTS memberikan pengalaman lebih dekat dengan industri dan kursus inovatif yang mungkin lebih relevan dengan keperluan pasaran global.

ASPEK	IPTA	IPTS	PERSAMAAN
Reputasi & Kedudukan di Pasaran	Tinggi dalam sektor awam, pilihan utama majikan dalam sektor awam dan swasta tempatan [MOHE] [World Bank Report]	Reputasi tinggi dalam sektor swasta dan dikenali di peringkat antarabangsa terutama di industri seperti teknologi dan perniagaan [QS World University Rankings]	Kedua-duanya diiktiraf dalam pasaran pekerjaan, dengan kelebihan masing-masing di sektor awam dan swasta [MOHE] [QS World University Rankings]
Penarafan dan Jenama	Universiti utama seperti UM dan UPM di ranking global dan dihormati dalam kalangan majikan di Malaysia [MOHE] [QS World University Rankings]	IPTS terkenal seperti Monash dan Nottingham terkenal di ranking global dan diiktiraf antarabangsa [QS World University Rankings] [MOHE]	Kedua-duanya menyumbang kepada reputasi pendidikan tinggi Malaysia dengan pengiktirafan di Malaysia dan antarabangsa [MOHE] [World Bank Report]
Kebolehpasaran Graduan	Graduan IPTA diterima baik di sektor awam dan swasta, terutama dalam bidang pendidikan dan pentadbiran awam [MOHE] [World Bank Report]	Graduan IPTS cenderung diterima dalam sektor swasta, terutama dalam bidang teknologi dan perniagaan [QS World University Rankings] [World Bank Report]	Kedua-duanya menghasilkan graduan yang diterima dalam pelbagai sektor, bergantung pada bidang dan kehendak industri [MOHE] [JPA]

Sumber Rujukan:

1. Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. (2022). Laporan Tahunan.
2. World Bank. (2021). Pendidikan Tinggi di Malaysia: Meningkatkan Kualiti dan Kebolehpasaran.
3. Malaysian Qualifications Agency (MQA). (2021). Panduan untuk Pengiktirafan Kelayakan.
4. QS World University Rankings. (2022). Laporan Ranking Universiti.

MENGENALI BIDANG KEKUATAN UNIVERSITI

IPTA DAN BIDANG PENGAJIAN

Berikut adalah senarai universiti awam di Malaysia berserta bidang kekuatan utama mereka. Data ini berdasarkan beberapa sumber rasmi seperti laporan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dan laman web universiti-universiti tersebut. Maklumat ini mungkin mengalami perubahan dari semasa ke semasa bergantung pada perkembangan dan pengkhususan terkini di setiap universiti.

Berikut adalah bidang pengajian utama yang ditawarkan oleh universiti-universiti di Malaysia. Bidang-bidang ini merupakan antara yang paling popular dan mempunyai program yang diperakui di kebanyakan universiti awam dan swasta di negara ini:

- **Sains & Teknologi:** Bidang ini merangkumi sains asas (seperti fizik, kimia, dan biologi) serta sains komputer, teknologi maklumat dan teknologi kejuruteraan. Universiti seperti Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) mempunyai kepakaran dalam bidang ini.
- **Kejuruteraan:** Program kejuruteraan adalah antara program yang paling banyak ditawarkan, termasuk kejuruteraan mekanikal, elektrik, kimia, dan sivil. Universiti seperti UM, UTM, UMPSA, UTeM, UTHM dan UniMAP memfokuskan kepada bidang ini dengan program kejuruteraan terkemuka.
- **Perubatan & Kesihatan:** Program perubatan, farmasi, pergigian, dan sains kesihatan banyak ditawarkan di universiti seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), dan Universiti Sains Malaysia (USM), yang kesemuanya mempunyai hospital pengajaran.
- **Perniagaan & Ekonomi:** Kursus dalam bidang perniagaan, pengurusan, kewangan, dan ekonomi popular di Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM). Bidang ini juga menjadi pilihan di universiti komprehensif lain seperti UM dan UKM.
- **Pendidikan:** Bidang pendidikan ditawarkan di universiti seperti Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan UiTM, yang menyediakan pelbagai program pendidikan untuk melatih bakal guru.
- **Seni & Kemanusiaan:** Universiti seperti UM, UKM, dan UiTM menawarkan kursus dalam bidang seni, sejarah, linguistik, serta kajian kebudayaan dan kemasyarakatan. Ini juga termasuk program reka bentuk dan seni visual.
- **Undang-Undang:** Beberapa universiti menawarkan program undang-undang yang diiktiraf, antaranya UM, UKM, dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), yang terkenal dengan program pengajian undang-undang Islam.
- **Pertanian & Sumber Asli:** Bidang ini meliputi sains pertanian, perikanan, sains veterinar, dan perhutanan. Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) terkenal dalam bidang berkaitan alam sekitar dan sumber asli.
- **Pengajian Islam dan Sains Islam:** Universiti seperti Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) terkenal dengan kursus dalam bidang pengajian Islam, yang meliputi Syariah, Usuluddin, dan Ekonomi serta Kewangan Islam.

MENGENALI BIDANG KEKUATAN UNIVERSITI

IPTA DAN BIDANG PENGAJIAN

No.	Universiti	SAINS & TEKNOLOGI	KEJURUTERAAN	PERUBATAN & KESIHATAN	PERNIAGAAN & EKONOMI	PENDIDIKAN	SENI & KEMANUSIAAN	UNDANG-UNDANG	PERTANIAN & SUMBER ASLI	PENGAJIAN ISLAM & SAINS ISLAM
1	Universiti Malaya (UM)	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	-	✓
2	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
3	Universiti Sains Malaysia (USM)	✓	✓	✓	✓	✓	✓	-	✓	-
4	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	✓	✓	-	✓	-	-	-	-	-
5	Universiti Putra Malaysia (UPM)	✓	✓	✓	✓	-	✓	-	✓	-
6	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	-	-
7	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	-	✓
8	Universiti Malaysia Sabah (UMS)	✓	-	✓	✓	✓	✓	-	✓	-
9	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	✓	✓	✓	-	✓	✓	-	✓	-
10	Universiti Utara Malaysia (UUM)	-	-	-	✓	✓	✓	✓	-	-
11	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	-	-	-	-	✓	✓	-	-	-
12	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	✓	✓	-	-	-	-	-	-	-
13	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	✓	✓	-	-	-	-	-	-	-
14	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	✓	✓	-	-	-	-	-	-	-
15	Universiti Malaysia Pahang (UMP)	✓	✓	-	-	-	-	-	-	-
16	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	✓	-	✓	✓	✓	✓	✓	-	✓
17	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)	✓	✓	✓	-	-	✓	✓	-	-
18	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	✓	-	-	-	-	-	-	✓	-
19	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	-	-	✓	✓	✓	✓	✓	-	✓
20	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	✓	-	-	✓	✓	✓	-	✓	-

****Catatan:****

- Tanda " " menunjukkan bidang kekuatan utama yang terdapat di universiti tersebut.
- Bidang kekuatan bergantung kepada pengkhususan yang ditawarkan dan penyelidikan yang dijalankan.
- Maklumat di atas tertakluk kepada perubahan dan mungkin berbeza mengikut sumber tambahan atau rasmi terkini.

Maklumat ini hanya sebagai panduan. Pelajar boleh merujuk laman web rasmi universiti atau sumber terkini Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia untuk kemaskini.

MENGENALI BIDANG KEKUATAN UNIVERSITI

KATEGORI: UNIVERSITI SWASTA

Sehingga kini, terdapat sekitar 488 Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang beroperasi di Malaysia. Ini termasuk pelbagai jenis institusi meliputi universiti swasta, kolej universiti, dan kolej swasta yang menawarkan pelbagai kursus dan program pengajian yang diiktiraf oleh pihak berwajib seperti Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia bertanggungjawab dalam memantau dan menyelia institusi-institusi ini untuk memastikan mereka memenuhi standard pendidikan yang ditetapkan.

Berikut adalah senarai sebahagian institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di Malaysia beserta bidang kekuatan masing-masing. IPTS di Malaysia menawarkan pelbagai program pengajian, dan kekuatan ini mungkin berbeza bergantung kepada kerjasama dengan universiti luar negara dan pengkhususan tertentu.

KATEGORI: (GOVERNMENT-LINKED UNIVERSITIES)

Universiti Berkaitan kerajaan (GLU) di Malaysia adalah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang mempunyai hubungan rapat dengan kerajaan melalui pemilikan oleh syarikat atau agensi milik kerajaan. Universiti-universiti ini bertujuan untuk menyokong pembangunan pendidikan tinggi dan penyelidikan dalam bidang tertentu yang strategik bagi negara. Berikut adalah beberapa GLU terkemuka dan badan kerajaan yang terlibat:

- **Universiti Teknologi Petronas (UTP)**
UTP adalah milik penuh PETRONAS, syarikat minyak dan gas yang dimiliki oleh kerajaan Malaysia. Ditubuhkan pada tahun 1997, universiti ini memfokuskan kepada bidang kejuruteraan dan teknologi yang berkaitan dengan industri minyak dan gas.
- **Multimedia University (MMU)**
Ditubuhkan pada tahun 1996, MMU dimiliki oleh Telekom Malaysia Berhad (TM) dan merupakan universiti swasta pertama di Malaysia yang menumpukan pada pendidikan multimedia dan teknologi maklumat.
- **Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)**
UNITEN ditubuhkan pada tahun 1997 dan dimiliki oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB). Universiti ini memfokuskan pada kejuruteraan dan pengurusan tenaga.
- **Universiti Kuala Lumpur (UniKL)**
UniKL ditubuhkan pada tahun 2002 dan merupakan institusi milik penuh Majlis Amanah Rakyat (MARA). UniKL menumpukan pada bidang kejuruteraan dan teknologi dengan matlamat untuk melahirkan graduan yang berkemahiran tinggi.

Universiti-universiti ini merupakan sebahagian daripada **The Alliance of Malaysian Government-Linked Universities (AGLU)** dan memberikan tumpuan kepada pendidikan teknikal serta profesional yang berkualiti tinggi. Universiti-universiti ini juga terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan dalam pelbagai bidang, membantu memenuhi keperluan industri dan meningkatkan kemahiran pelajar.



MENGENALI BIDANG KEKUATAN UNIVERSITI

IPTS DAN BIDANG PENGAJIAN

Berikut adalah 20 universiti swasta terbaik di Malaysia pada tahun 2024 berdasarkan beberapa sumber terkini seperti AppliedHE dan laporan QS World Rankings untuk universiti swasta di Malaysia. Setiap universiti disertakan dengan bidang pengajian yang mereka kuasai untuk membantu anda membuat pilihan lebih tepat.

- 1.Kejuruteraan: UTP, UNITEN, MMU, dan UCSI menonjol dalam bidang ini, dengan fokus kepada tenaga, teknologi, dan telekomunikasi.
- 2.IT/ICT: APU, MMU, dan City University menawarkan kursus ICT dan teknologi dengan reputasi tinggi.
- 3.Perniagaan: Taylor's, Sunway, dan UCSI mengungguli bidang perniagaan dan pengurusan.
- 4.Hospitaliti dan Pelancongan: Taylor's dan UCSI terkenal dengan program hospitaliti bertaraf antarabangsa.
- 5.Perubatan dan Kesihatan: UCSI dan SEGi menawarkan program kesihatan dan perubatan yang diiktiraf.

No.	Universiti	KEJURUTERAAN	SAINS KOMPUTER/IT	PERNIAGAAN	PSIKOLOGI	PERUBATAN	SENI & REKA BENTUK	HOSPITALITI & PELANCONGAN
1	Taylor's University	✓	✓	✓		✓		✓
2	UCSI University	✓	✓	✓		✓	✓	✓
3	Asia Pacific University (APU)	✓	✓	✓			✓	
4	University of Nottingham Malaysia	✓		✓	✓			
5	Sunway University	✓	✓	✓	✓		✓	✓
6	Multimedia University (MMU)	✓	✓				✓	
7	SEGi University	✓		✓	✓	✓		
8	HELP University		✓	✓	✓			
9	INTI International University	✓	✓	✓		✓		
10	Heriot-Watt University Malaysia	✓		✓				
11	Xiamen University Malaysia	✓		✓				
12	Universiti Kuala Lumpur (UniKL)	✓	✓	✓				
13	Management and Science University	✓		✓		✓		
14	Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)	✓	✓					
15	Universiti Teknologi Petronas (UTP)	✓						
16	AIMST University			✓		✓		
17	City University Malaysia	✓	✓	✓			✓	
18	Malaysia University of Science & Technology (MUST)	✓	✓	✓				
19	University of Southampton Malaysia	✓		✓				
20	Perdana University				✓	✓		

Penarafan **IPT**

PENARAFAN (RANKING) UNIVERSITI DI MALAYSIA

Berikut adalah kedudukan terkini universiti Malaysia berdasarkan QS World University Rankings Asia 2025.



Kedudukan (Malaysia)	Kedudukan (Asia)	Universiti	Kategori
1	12	Universiti Malaya (UM)	IPTA
2	20	Universiti Putra Malaysia (UPM)	IPTA
3	26	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	IPTA
4	28	Universiti Teknologi Malaysia	IPTA
5	36	Taylor's University	IPTS
6	37	Universiti Sains Malaysia (USM)	IPTA
7	45	UCSI University	IPTS
8	53	Universiti Teknologi PETRONAS (UTP)	IPTS
9	74	Sunway University	IPTS
10	79	Universiti Utara Malaysia (UUM)	IPTA
11	101	Universiti Teknologi MARA - UITM	IPTA
12	129	Management and Science University	IPTS
13	131	Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)	IPTS
14	133	International Islamic University Malaysia (IIUM)	IPTA
15	146	Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)	IPTS
16	159	Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah	IPTA
17	165	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	IPTA
18	170	INTI International University	IPTS
19	185	Lincoln University College, Malaysia	IPTS
20	190	Asia Pacific University of Technology and Innovation (APU)	IPTS

Sumber: QS World University Rankings: Asia 2025 (Diterbitkan: 6 November 2024)

PENARAFAN (RANKING) UNIVERSITI DI MALAYSIA



Kedudukan (Malaysia)	Kedudukan (Asia)	Universiti	Kategori
21	195	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	IPTA
22	207	Multimedia University (MMU)	IPTS
23	226	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	IPTA
24	243	Universiti Malaysia Sabah (UMS)	IPTA
25	248	Universiti Tun Hussein Onn University of Malaysia (UTHM)	IPTA
26	341	Universiti Malaysia Perlis	IPTA
27	400	Universiti Kuala Lumpur (UniKL)	IPTS
28	411-420	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	IPTA
29	451-460	AIMST University	IPTS
30	451-460	SEGi University	IPTS
31	501-520	Universiti Malaysia Kelantan	IPTA
32	561-580	Universiti Sains Islam Malaysia	IPTA
33	581-600	Malaysia University of Science and Technology (MUST)	IPTS
34	601-620	HELP University	IPTS
35	621-640	University of Cyberjaya	IPTS
36	641-660	Limkokwing University of Creative Technology	IPTS
37	641-660	Universiti Sultan Zainal Abidin	IPTA
38	661-680	Al-Madinah International University	IPTS
39	701-750	Tunku Abdul Rahman University of Management and Technology (TAR UMT)	IPTS
40	851-900	Nilai University, Malaysia	IPTS

Sumber: QS World University Rankings: Asia 2025 (Diterbitkan: 6 November 2024)

Laluan Alternatif
UNIVERSITI AWAM



SALURAN TERUS

Khusus bagi pelajar yang memilih untuk meneruskan pengajian di Universiti Awam, selain permohonan melalui UPU Online, sebahagian universiti Awam juga membuka laluan kemasukan secara terus ke universiti berkenaan melalui saluran khas yang dikenali sebagai Saluran Terus/ Saluran Alternatif/ Ambilan Terus (Direct Intake).

Saluran Terus yang ditawarkan oleh Universiti Awam ini bertujuan memberi alternatif lain khususnya kepada pelajar yang tidak mendapat program pilihan mereka berikutan persaingan sengit di UPU. Walau bagaimanapun, tempat yang diperuntukkan melalui Saluran Terus ini adalah sangat terhad khususnya bagi program-program popular tertakluk kepada mereka yang membuat permohonan dan memberi komitmen awal.

UiTM Seat Plus

◆ Peluang melanjutkan pengajian ke UiTM
◆ melalui saluran pengambilan komersial

Kemasukan Sesi 2 (2023/2024) | Mac 2024
Tempoh Permohonan: 14 Mac - 19 Mac 2024
Hebahan Jaya: 22 Mac 2024

Borang Permohonan

UNIVERSITY OF MALAYA

(SATU)
Saluran Terbuka Universiti Malaya
University of Malaya's Open Channel

UTM 30th Anniversary

UTM DIPLOMA
PROGRAMME | FULL-TIME

PROGRAMME OFFERED

- **Kuala Lumpur**
 - Diploma in Civil Engineering
 - Diploma in Electronic Engineering
 - Diploma in Electrical Engineering
 - Diploma in Mechanical Engineering
 - Diploma in Chemical Engineering
 - Diploma in Property Management
 - Diploma in Technology Management
 - Diploma in Accounting
 - Diploma in Islamic Studies Education
 - Diploma in Land Surveying
 - Diploma in Urban and Regional Planning
- **Kuala Lumpur & Johor Bahru**
 - Diploma in Quantity Surveying
 - Diploma in Architecture
 - Diploma in Computer Science

#1 RANGKAI UNIVERSITI

WHY CHOOSE UTM DIPLOMA

- Minimum Entry Requirement
- Direct Application to UTM
- Taught by highly experienced lecturers
- Comprehensive e-Learning system
- Full accessibility to UTM's facilities
- Great peer-to-peer network

Scholarship available
Up to 20% Tuition Fee Discount and more...

VATAN KITA UKM SHAPE

Tidak mendapat tempat ke UPU?

Peluang Belajar di UKM!
Permohonan melalui 'UKM DIRECT INTAKE 2022'

AMILAN OKTOBER 2022

UPM

PILIHAN LEPASAN SPM
PROGRAM
ASASI SAINS
2 SEMESTER PENGAJIAN

- Asasi Sains Pertanian UPM ALIRAN SAINS TULEN
- Permohonan Terus Melalui SALURAN INKLUSIF
- Tarikh Tutup Permohonan 19 JULAI 2024 | JUMAAT

MOHON DISINI

MUST

UMPSA ADVANCED

PERMOHONAN DIBUKAI

Kemasukan Terus

PROGRAM DIPLOMA • PROGRAM ASASI SAINS DAN TEKNOLOGI

UUM

SEMAKAN KEPUTUSAN
PROGRAM SARJANA MUDA, SEPENUH MASA

SALURAN TERBUKA
(SESI AKADEMIK 2024/2025)

SEMAKAN BOLEH DIBUAT MULAI: 11 MAC 2024 (12.00 TENGAH HARI)
HINGGA 15 MAC 2024 (11.59 MALAM)

Ambilan Mac 2024

TEMPOH SETUJU TERIMA TAWARAN BERMULA 11 HINGGA 15 MAC 2024

SILA SEMAK KEPUTUSAN DI <https://uum.edu.my/kemasukan>

TAWARAN ADALAH **MUKTAMAD**

USM APEK

USM +1
(FULL PAYING FEES)

Saluran Alternatif ke USM

Kini Dibuka Untuk PENGAMBILAN OKTOBER 2024

Imbas Kod QR

TARIKH TUTUP

AHMAD IBRAHIM KULLIYAH OF LAWS CENTRE

Session Intake
Semester 2, 2023/2024

Application is now OPEN

Admission to Bachelor of Laws (Hons) Through Alternative Channel At Ahmad Ibrahim Kulliyah of Laws

***Unsubsidised Program

PERBANDINGAN KEMASUKAN MELALUI SALURAN TERUS DAN UPU ONLINE

KRITERIA	UPU ONLINE	SALURAN TERUS
TAWARAN PERMOHONAN	Dibuka kepada calon warganegara Malaysia Sahaja	Sebahagian universiti membuka permohonan kepada calon tempatan dan juga antarabangsa
PROGRAM YANG DITAWARKAN	Semua program peringkat Sijil, Asasi, Diploma dan Sarjana Muda	Program peringkat Asasi, Diploma dan Sarjana Muda khususnya dalam bidang kompetitif
SYARAT KEMASUKAN	Calon perlu memenuhi syarat Am dan Khas yang ditetapkan dan melepasi ujian/ temuduga (jika ada) serta mencapai markah merit yang ditetapkan bagi setiap program	Calon perlu memenuhi syarat Am dan Khas yang ditetapkan dan melepasi ujian/ temuduga (jika ada). Saluran ini juga membuka peluang kepada Lain-lain Kelayakan yang tiada di UPUOnline seperti IGCSE untuk memohon ke universiti awam.
PERSAINGAN	Persaingan adalah sangat tinggi khususnya bagi program kompetitif seperti Perubatan, Undang-undang, Kejuruteraan dan lain-lain. Ini kerana terdapat sangat ramai pelajar yang memenuhi syarat kelayakan dan perlu bersaing dari segi markah merit untuk mendapat tempat.	Berbanding UPU Online, permohonan melalui Saluran Terus adalah kecil dan tidak memerlukan persaingan markah merit pemohon sebagai prasyarat kemasukan. Melalui Saluran Terus, pelajar hanya perlu memenuhi syarat kelayakan minimum program yang telah ditetapkan untuk peluang mendapat tawaran.
YURAN PENGAJIAN	Kadar yuran adalah rendah kerana kerajaan menampung subsidi pada kadar 70-90% daripada yuran penuh.	Yuran bagi program yang ditawarkan melalui Saluran Terus adalah pada kadar penuh (tanpa subsidi)
PEMBELAJARAN	Sesi pembelajaran dikendalikan di bawah fakulti/pusat di kampus universiti berkenaan	Sama seperti pelajar daripada Saluran Perdana (UPU Online).
KEMUDAHAN PEMBELAJARAN	Pelajar menikmati semua kemudahan yang disediakan di kampus universiti berkenaan	Pelajar Saluran Terus turut menikmati semua kemudahan lain sama seperti pelajar Saluran Perdana.
LANJUTAN PENGAJIAN	Sebahagian lepasan Asasi khususnya kategori "Terbuka" serta lepasan Diploma perlu membuat permohonan semula di UPU Online untuk ke program Sarjana Muda.	Program Asasi merupakan "feeder" bagi program Sarjana Muda bagi universiti yang menawarkan program tersebut. Pelajar yang lulus pengajian Asasi secara automatik akan diserap ke program Sarjana Muda universiti berkenaan tertakluk kepada pencapaian akademik pelajar di peringkat Asasi. Lulusan Diploma juga berpeluang meneruskan pengajian ke peringkat Sarjana Muda di universiti yang sama dengan kelebihan untuk pindahan kredit tertakluk kepada program yang dipohon.

KELEBIHAN KEMASUKAN MELALUI SALURAN TERUS

SENARIO KEMASUKAN MELALUI UPU ONLINE

Saban tahun apabila keputusan UPU Online diumumkan, akan terdapat sebahagian pelajar:

- Menerima tawaran dalam bidang yang dipohon dan mereka minati.
- Menerima tawaran tetapi dalam bidang yang tidak/ kurang diminati.
- Langsung tidak mendapat sebarang tawaran.

Berdasarkan laporan Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA (BPKA), persaingan sengit dalam permohonan di UPU Online menyebabkan ribuan pemohon yang memenuhi syarat kemasukan tidak mendapat tempat di IPTA. Ini berikutan persaingan yang sengit dalam pemilihan dan penawaran melalui UPU Online terutama bagi program-program popular dengan bilangan tempat terhad di IPTA.

Melalui Saluran Terus ini, pelajar boleh memohon terus ke universiti yang menawarkan program pilihan mereka serta memberi kelebihan berikut:

1. **Persediaan Alternatif atau “Backup Plan”**

Pelajar boleh membuat permohonan serentak di kedua-dua saluran permohonan iaitu UPU Online dan Saluran Terus. Ini kerana permohonan melalui "Saluran Terus" adalah melalui sistem universiti yang berasingan dan tidak memberi kesan kepada permohonan pelajar di UPU Online. Sekiranya pelajar tidak mendapat tawaran program pilihan di UPU Online, pelajar masih mempunyai harapan untuk program tersebut di Saluran Terus.

2. **Kurang Persaingan**

Pemohon tidak perlu bersaing untuk program dan universiti pilihan mereka seperti yang berlaku di UPU. Ini kerana terdapat sangat ramai pelajar yang memperoleh gred yang tinggi dalam SPM akan memohon program-program di UPU Online khususnya dalam bidang popular seperti Perubatan, Undang-undang, Kejuruteraan dan lain-lain.

3. **Tiada Kiraan Merit**

Berbeza dengan permohonan di UPU Online, permohonan melalui Saluran Terus tidak memerlukan pengiraan mata merit pemohon sebagai prasyarat kemasukan. Pelajar hanya perlu memenuhi syarat kelayakan minimum program yang telah ditetapkan.

4. **Peluang kepada Lain-lain Kelayakan yang tiada di UPUOnline**

Membuka laluan untuk pemohon dengan kelayakan IGCSE/ GCSE dan GCE O-Level untuk memohon ke universiti awam.

5. **Tawaran Terus Universiti**

Pemohon akan menerima tawaran terus daripada universiti sekiranya memenuhi syarat kemasukan yang ditetapkan dan akan mengikuti program serta kemudahan yang sama seperti pelajar lain yang menerima tawaran melalui UPU Online.

6. **Peluang Menyambung Pengajian**

Pelajar berpeluang untuk menyambung pengajian ke peringkat Sarjana Muda sama seperti pelajar Saluran Perdana (yuran bersubsidi).

Peluang kemasukan melalui Saluran Terus ini adalah pelaburan yang berbaloi kerana pelajar akan mendapat peluang untuk mengikuti program yang mereka inginkan dengan prospek kerjaya yang lebih cerah.

PERKARA PERTIMBANGAN

Untuk kelebihan-kelebihan istimewa yang diberikan melalui Saluran Terus, pihak universiti mengenakan yuran penuh (tanpa subsidi) kepada pelajar yang menerima tawaran. Sebagai makluman, kadar subsidi yang diterima oleh pelajar yang ditanggung oleh kerajaan adalah sekitar 80-90 % daripada yuran penuh.

Walau bagaimanapun, berdasarkan perbandingan dengan universiti swasta (IPTS), kadar yuran yang dikenakan oleh universiti awam melalui Saluran Terus ini adalah lebih murah selain peluang laluan khas untuk pelajar menyambung pengajian ke Sarjana Muda saluran perdana.

Sebahagian universiti juga hanya mengenakan yuran penuh di peringkat Asasi atau Diploma sahaja manakala pelajar akan mendapat peluang untuk kadar yuran yang sama (bersubsidi) seperti pelajar Saluran Perdana apabila menyambung pengajian di peringkat Sarjana Muda.

PERMOHONAN BERPUSAT SALURAN TERUS UNIVERSITI AWAM

Melalui kerjasama strategik dengan beberapa Universiti Awam, Uni Assist kini menyediakan pusat sehenti yang membuka Akses Terus kepada pelbagai program akademik sepenuh masa untuk lepasan sekolah menengah dengan kelayakan SPM/ STPM atau kelayakan yang setaraf dengannya.

Antara universiti awam yang menawarkan program Saluran Terus:



School of
Professional and
Continuing
Education
(SPACE)

**Universiti Teknologi Malaysia:
Diploma & Sarjana Muda**



**Universiti Islam Antarabangsa Malaysia:
Asasi & Sarjana Muda**



**Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah:
Asasi & Diploma**



**Universiti Teknikal Malaysia Melaka:
Asasi & Sarjana Muda**

Maklumat lanjut berkaitan Saluran Terus boleh didapati di sini:

Scan di sini untuk
Saluran Terus



Selain UPU Online, pelajar juga berpeluang meneroka program-program kompetitif yang ditawarkan oleh universiti awam dan swasta terpilih.

Dapatkan info universiti dan program pilihan anda di Portal Kemasukan Universiti Berpusat.



**PORTAL
KEMASUKAN
UNIVERSITI
BERPUSAT**



**Laluan ke Universiti
Terbaik Malaysia**



Layari Sekarang!

PERKHIDMATAN KEMASUKAN IPT BERPUSAT SECARA PERCUMA OLEH UNI ASSIST



- Menyediakan perkhidmatan perundingan pendidikan dan khidmat nasihat oleh pakar runding akademik kami yang berpengalaman khususnya kepada ibu bapa dan pelajar dalam panduan pemilihan program.



- Memudahkan urusan kemasukan pelajar melalui sistem permohonan berpusat bagi saluran terus di laman web Uni Assist.



- Menyediakan perkhidmatan semakan syarat kelayakan dan pengesyoran program-program yang bersesuaian dengan kelayakan pelajar.



- Menyediakan maklumat untuk permohonan bantuan kewangan/ biasiswa kepada yang layak.



- Menyediakan maklumat lengkap program-program yang ditawarkan untuk panduan ibu bapa dan pelajar.

INFO PERKHIDMATAN

Maklumat lanjut berkaitan Uni Assist serta perkhidmatan dan program yang ditawarkan boleh didapati di laman web:

www.uniassist.my

PENUTUP

Sebagai rumusan, sukacita diingatkan bahawa perjalanan menentukan laluan pendidikan adalah langkah awal dalam perjalanan hidup yang lebih panjang. Setiap laluan yang diambil akan membuka peluang serta cabaran tersendiri, dan apa yang lebih penting adalah kesediaan untuk belajar, berusaha, dan beradaptasi dalam setiap situasi yang datang.

Nasihat kepada semua pelajar, luangkan masa untuk memahami diri, minat, dan potensi anda. Jangan terburu-buru dalam membuat keputusan, dan jangan terpengaruh dengan pilihan orang lain tanpa mempertimbangkan apa yang benar-benar sesuai untuk anda. Bincanglah dengan mereka yang berpengalaman, khususnya guru, ibu bapa, atau penasihat akademik atau kerjaya, dan dapatkan pandangan daripada pelbagai sumber.

Selain itu, ingatlah bahawa pengajian bukan hanya mengenai memperoleh ijazah atau sijil, tetapi juga tentang membentuk kemahiran, membina nilai, dan memperkaya pengalaman hidup. Laluan yang anda pilih mungkin membawa anda ke matlamat tertentu, tetapi apa yang akan memberi makna sebenar dalam perjalanan anda ialah kesungguhan, pengorbanan dan komitmen dalam setiap usaha.

Akhir kata, semoga buku ini menjadi panduan berguna dalam membantu pelajar memilih laluan pengajian selepas SPM yang paling tepat untuk diri dan cita-cita anda. Masa depan anda berada di tangan anda sendiri—pilihlah dengan bijak, dan kejarlah impian anda dengan penuh dedikasi dan keyakinan.

"Jika anda gagal merancang,
anda merancang untuk gagal"



UA Connecting
Uni Assist Your Future

Edisi Pertama / Cetakan Pertama 2024